


Jilid II  
Bil. 5



Hari Jumaat  
13hb April, 1984

MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA  
*SENATE*

PARLIMEN KEENAM  
*Sixth Parliament*

PENGGAL KEDUA  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 543]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1982 dan 1983) [Ruangan 575]**

**Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan [Ruangan 642]**

MALAYSIA

**PARLIMEN KEENAM – DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik)
- ” Timbalan Yang di-Pertua, DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik)
- ” Lt. Kol. (P) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik)
- ” TOH MUDA DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik)
- ” TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah)
- ” ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN (Sarawak)
- ” TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik)
- ” TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik)
- ” DATO CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak)
- ” TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis)
- ” DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S., K.M.N., P.P.N., P.P.I., J.P. (Dilantik)
- ” PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang)
- ” PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik)
- ” PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM @ HASNAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu)
- ” TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik)
- ” TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang)
- ” TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik)
- ” DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah)
- ” PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik)

- Yang Berhormat TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan)
- ” TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak)
- ” DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang)
- ” TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS, P.B.S. (Dilantik)
- ” TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik)
- ” CIK LIM SEAN LEAN @ LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik)
- ” DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik)
- ” TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang)
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor)
- ” DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik)
- ” TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis)
- ” TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak)
- ” TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka)
- ” PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka)
- ” TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik)
- ” DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik)
- ” PUAN ROKIAH @ MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN SALLEH BIN KASSIM, A.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu)
- ” TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik)
- ” TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik)
- ” TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor)
- ” TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik)
- ” DATO WONG SENG CHOW, D.K.J.B., A.M.N., J.P. (Negeri Sembilan)
- ” TAN SRI DATUK YEH PAO ISU, P.G.D.K., A.M.N. (Sabah)

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu.

MALAYSIA

## DEWAN NEGARA

Jumaat, 13hb April, 1984

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

## DOA

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat)*JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood.**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang pertama.MUTU KERJA KAKITANGAN  
J.K.R. - LANGKAH  
MENINGKATKAN**1. Tuan Haji Shaharom bin Maasom** (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Kerja Raya menyatakan tindakan yang beliau telah ambil terhadap pegawai-pegawai Kementerian yang tidak jujur sehingga menggagalkan rancangan Kerajaan untuk memajukan kontraktor-kontraktor Bumiputra seperti yang didedahkan oleh beliau sendiri.**Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerjaraya sebenarnya telahpun mengambil langkah-langkah untuk meninggikan mutu kerja semua kakitangannya. Di dalam proses melaksanakan langkah-langkah tersebut, Kementerian saya telah mengambil tindakan-tindakan untuk:

(a) meninggikan dedikasi kakitangan ke tahap maksima;

(b) menumpukan sepenuh perhatian terhadap tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan; dan

(c) menggunakan pendekatan-pendekatan baru bagi menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh kakitangan semasa menjalankan tugas supaya segala tugas dapat disempurnakan dengan secepat mungkin.

Sehingga ke hari ini saya amat berpuas hati dengan kejayaan yang dicapai oleh semua kakitangan Kementerian saya termasuk Jabatan Kerjaraya. Akan tetapi saya suka memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa untuk mengendalikan sumber tenaga manusia memerlukan pendekatan khas dari segi psikologi dan tugas ini tidaklah mudah untuk mencapai kejayaan 100% kerana ianya bergantung kepada kesihatan dan mental seseorang individu. Walau bagaimanapun, jika seorang kakitangan itu agak lembab di dalam menjalankan tugasnya, Kementerian saya akan sentiasa berusaha untuk memperbaiki mutu kecekapannya. Seandainya usaha-usaha Kementerian saya itu tidak mendapat sambutan dari pegawai berkenaan, maka Kementerian saya akan merujuk kes tersebut kepada Jabatan Perkhidmatan Awam atau lain-lain pihak berkenaan untuk tindakan sewajarnya.

JALANRAYA KUALA LUMPUR/  
IPOH**Dato' Chin Kim Yoong** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa perjalanan kereta

menentukan tempoh masa yang dimaksudkan, maka saya mengambil peluang untuk menetapkan bahawa jawapan yang saya berikan ini ialah untuk jangka masa dari 1hb Januari, 1981 sehingga bulan Februari, 1984.

Jumlah rakyat Malaysia yang telah melawat Republik Rakyat China dalam tempoh masa yang disebutkan tadi ialah seperti berikut:

Tahun	–	Jumlah
1981	–	3,997
1982	–	4,093
1983	–	5,634
1984 (hingga Februari)	–	164

Adalah menjadi amalan Kementerian ini tidak merekodkan jumlah rakyat Malaysia yang membuat lawatan ke luar negeri mengikut keturunan masing-masing.

### KURIKULUM BARU SEKOLAH MENENGAH (KBSM)

**13. Tuan Nasir bin Haji Manap** minta Menteri Pelajaran menjelaskan sama ada KBSM (Kurikulum Baru Sekolah Menengah) dapat melahirkan tenaga mahir yang sesuai dengan keperluan dan perkembangan sezaman bagi menyediakan tenaga mahir tanpa terlalu bergantung kepada pakar-pakar teknologi luar.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, memang telah termaktub dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan bahawa satu daripada matlamat utama pendidikan adalah untuk menghasilkan warganegara yang dapat memberi sumbangan bagi kebajikan dirinya dan bagi pembangunan negara. Dasar ini masih tidak berubah. Oleh itu, Kurikulum Baru Sekolah Menengah yang sekarang ini sedang dalam peringkat perancangan tidak akan lari daripada matlamat dasar yang tersebut.

Sebagai negara yang sedang membangun, kita tidak boleh lari

daripada menyerapkan teknologi-teknologi lain. Kita seharusnya menggalakkan interaksi idea-idea baru, namun begitu kita sedia maklum bahawa keperluan kita adalah berubah dari semasa ke semasa. Oleh itu, dalam perancangan Kurikulum Baru Sekolah Menengah segala keperluan negara pada masa ini dan masa akan datang perlulah dikaji secara mendalam sebelum struktur dan kandungan kurikulum yang tersebut dapat dimuatkan kelak.

Kita berharap kurikulum itu nanti akan dapat menghasilkan tenaga mahir yang cukup. Walau bagaimanapun, kita masih perlu kepada setengah-setengah pakar teknologi luar bagi maksud pemindahan kepakaran yang baru.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kementerian Pelajaran bercadang untuk menghapuskan pelajaran Hisab Moden yang terdapat di kurikulum sekolah menengah dalam cadangan dan kajian Kurikulum Baru Sekolah Menengah ini kerana saya difahamkan kalau saya tak silap pada suatu masa dahulu kita, dengan izin, copy right daripada negara Amerika dan Britain sistem Hisab Moden ini ternyata kegagalannya di negara-negara yang kita tiru itu dan pada hari ini negara kitalah yang bermati-matian mendokong sistem ini sedangkan di negara yang kita jadikan tiruan itu sudah lama menghapuskan sistem pelajaran ini. Adakah ini benar?

**Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini saya belum dapat memastikan sama ada Hisab Moden seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dihapuskan atau tidak kerana seperti mana saya katakan tadi bahawa Kurikulum Baru Sekolah Menengah ini adalah dalam kajian Kementerian Pelajaran. Jika sekiranya didapati perlu bahawa Hisab Moden ini dihapuskan kita berbuat demikian, kalau tak ada mendapat apa-apa faedah kepada kita.

dari Kuala Lumpur/Ipoh sentiasa tergendala disebabkan oleh kenderaan berat seperti lori dan bas di samping kes-kes kemalangan kereta di sepanjang jalan raya dan jika sedar sama ada beliau akan memperbesarkan jalan raya Kuala Lumpur/Ipoh.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa perjalanan dari Kuala Lumpur ke Ipoh tidak begitu lancar dan kadangkala berlaku kemalangan kereta.

Bagi jangka panjang Kementerian saya sedang membina Lebuhraya Tol daripada Kuala Lumpur ke Ipoh dan apabila Lebuhraya ini telah siap dibina, maka masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan dapat diatasi. Pada masa sekarang rekabentuk kejuruteraan terperinci sedang dibuat bagi Lebuhraya Tol Kuala Lumpur/Ipoh ini dan adalah dijangka Lebuhraya ini akan dibina dalam tahun 1986. Sementara itu Kementerian saya telah mengambil tindakan untuk memperbaiki jalan Kuala Lumpur/Ipoh yang ada. Bagi maksud ini Kementerian telah memperbaiki jalan daripada Kuala Lumpur ke Tanjong Malim dan merancang untuk memperbesarkan jalan di Batu 31 ke 32.75 dan seterusnya membaiki jalan Tapah ke Bidor iaitu di Batu 37 dan 38.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Salleh.

**Tuan Ibrahim bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan yang ke-3. *(Tiada jawapan)*

**Tuan Yang di-Pertua:** Diminta Menteri menjawab pada hari Isnin.

#### KELAB POLIS – BILANGAN

**4. Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan Kelab Polis yang terdapat di seluruh negara, dan nyatakan fungsi dan bentuk susunan Organisasinya dari Peringkat Pusat hingga ke Peringkat Cawangan-

cawangan dan sama ada beliau pernah membuat tinjauan dan kajian dari masa ke semasa tentang tiap-tiap perjalanan, tabdiran dan kegiatan-kegiatan yang dibuat serta dianjurkan oleh kelab-kelab tersebut sama ada bersesuaian dengan dasar negara yang begitu giat dalam usaha-usaha penerapan nilai-nilai keislaman ke dalam pentadbiran negara.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini terdapat 166 buah Kelab di semua peringkat dalam Organisasi Polis di seluruh negara. Kelab-kelab Polis ini ditubuhkan dengan tujuan:

- (i) mempererat persefahaman di antara ahli-ahli
- (ii) mengadakan kemudahan-kemudahan rekreasi.
- (iii) memberi kemudahan-kemudahan seperti kantin, dobi, kedai gunting rambut; dan
- (iv) memberi kemudahan kebajikan dan kebudayaan kepada ahli-ahli dan keluarga mereka.

Organisasi Kelab-kelab Polis adalah seragam dan ianya ditadbirkan oleh Jawatankuasa yang dibentuk dari ahli-ahli seperti berikut:

- (i) Presiden
- (ii) Naib Presiden
- (iii) Pengerusi
- (iv) Setiausaha Kehormat
- (v) Bendahari Kehormat; dan
- (vi) 6 orang Ahli

Perjalanan, pentadbiran dan segala kegiatan Kelab-kelab itu adalah dikawal mengikut panduan dan arahan yang ditetapkan oleh Ketua Polis Negara melalui Hukuman Tetap Ketua Polis Negara, Bahagian 'A' 503. Oleh itu segala kegiatan Kelab Polis dengan sendirinya dikawal melalui empat matlamat tersebut di mana sudah pun wujud unsur-unsur keislaman.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya sama ada benar ataupun tidak, adakah Kelab-kelab ini ataupun kantin-kantin yang ada di sini menjual minuman keras.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut Hukuman Tetap Ketua Polis Negara, Bahagian 'A' 53 minuman keras tidak sekali-kali dibenarkan.

#### KEJADIAN ROMPAK/SAMUN/ PECAH RUMAH – HUKUMAN

**5. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan memandangkan bahawa kejadian rompak/samun/pecah rumah yang mengancam nyawa dan harta benda orang awam semakin menjadi-jadi, sama ada beliau bercadang meminda undang-undang berkenaan bagi membolehkan mereka yang sabit kesalahan dikenakan hukuman yang paling berat sekali.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, kejadian-kejadian rompak/samun/pecah rumah yang mengancam nyawa dan harta benda orang awam memang berlaku di mana-mana negara sekalipun, dan negara kita tidak terkecuali dari jenayah seperti ini. Namun begitu jikalau dilihat perangkaan yang ada semenjak tahun 1980 didapati keadaan jenayah di seluruh negara tidak membimbangkan kerana ianya adalah terkawal.

Berdasarkan hakikat ini Kerajaan berpendapat undang-undang yang ada sekarang adalah memadai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

**Tuan Loo Swee Mok:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan yang ke 6.

#### SISTEM KEPOLISAN JEPUN (KOBAN)

**6. Tuan Loo Swee Mok** (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Dalam

Negeri menyatakan bilakah sistem kepolisan Jepun dapat dipraktikkan di Malaysia dan sama ada sistem ini dapat diubahsuaikan selaras dengan keadaan keselamatan di Malaysia.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, Polis Di-rajanya Malaysia sedang mengkaji dan merancang suatu sistem kepolisan baru yang sempurna dan berkesan berasaskan sistem kepolisan Jepun yang dikenali sebagai 'Sistem Koban'. Konsep Sistem Koban adalah bercorak seakan-akan 'Sistem Salleh' yang telah diperkenalkan oleh Polis Diraja Malaysia dalam tahun 1968. Sistem Salleh tidak dapat diperkembangkan kerana setelah dilancarkan, beberapa masalah dan kerumitan telah timbul.

Dalam tahun 1982, Polis Diraja Malaysia berhasrat untuk menghidupkan kembali Sistem Salleh kerana ianya didapati baik untuk dipraktikkan di negara ini. Sebuah jawatankuasa telah dibentuk untuk mengkaji semula sistem itu di samping menerapkan nilai-nilai yang positif dari Sistem Koban dan juga 'Sistem Kejiranan Polis' di sebuah negara jiran kita supaya sesuai dengan keadaan masyarakat dan ketenteraman yang wujud di negara ini.

Kajian ini memakan masa kerana sistem yang dirancangan itu memerlukan tambahan peruntukan kewangan, anggota dan latihan yang khusus supaya pelaksanaannya nanti dapat diterima oleh masyarakat kita sebagai suatu institusi.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah dalam pengkajian ini suatu daripada unsur-unsur yang kita hendak condong ke Jepun bahawa terdapat satu tindakan Kementerian ini memberi arahan kepada Ketua Polis Daerah supaya dibuka semua pagar-pagar balai polis. Adakah ini akan dijalankan di

seluruh negara ataupun ini salah satu daripada unsur-unsur yang kita tiru daripada Jepun.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya nyatakan di sini pertama sekali berhubung dengan konsep Koban itu untuk kita memahami dengan sejelas-jelasnya iaitu ianya berasaskan kepada satu kesedaran dari kalangan masyarakat dan satu suasana tata cara kerja di mana anggota-anggota polis dikehendaki bagi menjalankan tugas mereka masing-masing.

Dalam persoalan ini kita memerlukan anggota yang terbaik yang dipilih khas dan kita juga memerlukan anggota yang benar-benar boleh melaksanakan tugas hubungan silatullahim dengan masyarakat iaitu mereka dikehendaki menjalankan tugas rondaan jalan kaki, menjalankan siasatan awal atau siasatan jenayah, mengumpulkan maklumat dari orang awam serta mengesan dan menangkap penjenayah, semuanya itu dengan suatu cara yang bersesuaian dengan keadaan masa.

Jadi, soal membuka pagar sebagaimana yang diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah suatu soal yang barangkali menimbulkan satu suasana di mana hubungan silatullahim dapat dijalinan dengan lebih rapi lagi.

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa pengetahuan sivik anggota-anggota polis kita tersangat lemah kerana apabila kita tanyakan rumah seorang Timbalan Menteri anggota polis yang meronda dalam Sistem Koban ini tidak tahu. Sepatutnya setiap anggota polis tahu di mana rumah pembesar-pembesar dan pemimpin kerana itu sudah termasuk dalam lingkungan kawasan yang dirondainya.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, suka saya jelaskan di sini bahawa Sistem Koban belum lagi

berjalan dinegara kita ini. Apa yang saya katakan tadi kita hanya menubuhkan sebuah jawatankuasa khusus bertujuan untuk mengkaji dan mengubahsuai bagi maksud mewujudkan suatu sistem yang baru yang praktikal dan sempurna serta sesuai dengan keadaan masa di negara kita ini.

Soal anggota polis mengetahui alamat rumah pembesar-pembesar kita itu merupakan soal yang mana saya sendiri pernah memberitahu kepada anggota-anggota polis semoga mereka melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan-pengetahuan yang sedemikian.

Saya berharap dalam soal ini samalah kita cuba membaiki, mudah-mudahan suasana dan tugas yang akan dilaksanakan oleh anggota polis pada masa akan datang akan dapat dijalankan dengan lebih sempurna dan teratur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan R. M. Jasni.

**Dato' G. Pasamanickam:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 7.

### SAMPAH SARAP DI WILAYAH PERSEKUTUAN

**7. Dato' G. Pasamanickam** (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan tindakan-tindakan positif bagi mengatasi masalah bertambahnya sampah sarap di Wilayah Persekutuan dan cara-cara yang difikirkan boleh mengurangkan perbelanjaan bagi menampung pembuangan sampah-sampah sarap tersebut.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau):** Tuan Yang di-Pertua, sekarang Kuala Lumpur mengeluarkan kira-kira 2,000 tan sampah setiap hari yang mengandungi sampah rumah (domestic rubbish), sampah kebun, sampah perniagaan dan pejabat, sampah industri, sampah-

sampah dan sisa-sisa binaan dan sebagainya.

Jumlah ini dijangka meningkat kepada lebih daripada 4,000 tan sehari pada tahun 2000. Masalah bertambahnya sampah sarap adalah sukar diatasi kerana pertambahannya sejajar dengan pertumbuhan penduduk, kegiatan-kegiatan sosio-ekonomi dan pembangunan. Cara hidup dan jenis perniagaan dan perusahaan juga menentukan banyak sedikit sampah. Misalnya bahan-bahan makanan orang-orang timur termasuk Malaysia lebih banyak mengeluarkan sampah daripada makanan orang-orang barat. Pasar-pasar tradisional lebih banyak mengeluarkan sampah daripada pasaraya (super market).

Tuan Yang di-Pertua, industri berat lebih banyak mengeluarkan sampah dan lain-lain pencemaran daripada industri ringan. Dari itu rancangan untuk menempatkan semula industri berat dapat menolong mengurangkan sampah industri dan pencemaran.

Pembinaan pasar moden juga sejumlah 3 buah dapat mengurangkan sampah di pasar-pasar yang ada sekarang.

Perbelanjaan bagi perkhidmatan pungutan dan pembuangan sampah sarap boleh dikurangkan dengan cara-cara berikut:

1. kerjasama orang ramai dengan menggunakan karung plastik dan tong sampah supaya lebih bersih dan senang dipungut. Sampah hendaklah jangan dibuang merata seperti di jalan raya, dalam parit, dalam sungai, tanah lapang dan lain-lain untuk mengurangkan kekerapan kerja pembersihan;
2. kerjasama pemaju kontraktor supaya menjalankan kerja-kerja pembinaan dengan bersih dan mengurangkan pengotoran jalan raya, parit serta kawasan-kawasan sekitar projek;

3. mengurangkan jumlah volume sampah secara proses pemadatan (compaction) dengan menggunakan traktor atau dibakar dengan "on site incinerator". Sekarang ini syarat ini dimasukkan ke dalam kelulusan perancangan dan pelan pembangunan bagi kompleks-kompleks yang besar; dan

4. pengawalan sistem pembuangan sampah bagi semua jenis pembangunan melalui kelulusan perancangan dan pelan bangunan untuk memastikan sistem yang sesuai dan bersih. Sekarang ini disyaratkan pembinaan ruang sampah bertutup, termasuk bagi rumah bagi meletakkan tong dan sampah.

#### **PENDUDUK MALAYSIA BERHIJRAH KE LUAR NEGERI**

**8. Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah bilangan penduduk di negeri ini yang telah berhijrah ke negara asing yang berideologi komunis tanpa kebenaran Kementerian dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap mereka.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang Imigresen menetapkan bahawa setiap penduduk Malaysia boleh berhijrah ke mana-mana negara asing. Untuk tujuan ini, Kerjaan mengeluarkan Pasport Malaysia atau lain-lain Dokumen Perjalanan yang diiktiraf oleh negara-negara asing.

Dengan ini bermaknalah bahawa setiap penduduk negara ini tidak boleh keluar dari Malaysia tanpa mendapat sebarang dokumen perjalanan yang sah daripada pihak Kerajaan. Mana-mana penduduk Malaysia yang ke luar negeri tanpa mempunyai dokumen perjalanan yang sah adalah melakukan kesalahan di bawah Undang-undang Imigresen negara ini. Sehingga ini, Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai apa-

apa rekod berhubung dengan penghijrahan kepada negara asing sama ada berideologi komunis atau tidak oleh penduduk negara ini tanpa kebenaran Kementerian.

#### UNIT JANTUNG HOSPITAL UNIVERSITI – PENUTUPAN

**9. Dato' S. Govinda Raj** minta Menteri Pelajaran menerangkan kedudukan sebenar berhubung dengan penutupan Unit Jantung di Hospital Universiti, memandangkan beratus-ratus orang pesakit akan mengalami kesusahan akibat penutupan ini yang kebanyakannya adalah dari golongan kurang berada.

**Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan yang serupa telahpun diberi dalam Dewan ini pada 10 dan 11 haribulan. Saya tidak ada apa-apa hendak ditambah lagi.

#### RUMAH MURAH BAGI ANGGOTA POLIS/PENJARA

**10. Tuan Ahmad bin Othman** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada benar bahawa pegawai-pegawai yang beruniform seperti anggota Penjara dan Polis tidak boleh memiliki rumah murah (awam) Kerajaan kerana mereka ini anggota yang beruniform dan jika benar tidakkah boleh Kementerian membuka peluang kepada mereka memiliki rumah kerana sumbangan mereka terhadap negara.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa anggota-anggota beruniform tidak boleh memiliki rumah kos rendah. Mereka boleh memohon rumah kos rendah bersama dengan rakyat biasa. Walau bagaimanapun, mereka perlu memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri masing-masing.

Syarat-syarat yang dimaksudkan ialah:

1. pemohon mestilah warganegara Malaysia;
2. pendapatan keluarga pemohon hendaklah tidak lebih daripada \$750 sebulan;
3. belum mempunyai rumah;
4. pemohon telah tinggal di kawasan yang berkenaan lebih kurang 5 tahun;
5. pemohon berkeluarga diberi keutamaan;
6. keutamaan juga diberi kepada pemohon yang berumur di antara 30 hingga 40 tahun.

Memandangkan sumbangan anggota-anggota beruniform, khasnya Polis dan Tentera terhadap keselamatan negara, permohonan mereka diberi pertimbangan khas oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

**Tuan Ahmad bin Othman:** Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa perbezaan Akta Perumahan di antara Negeri dan peringkat Persekutuan oleh kerana di peringkat Negeri tidak ada peruntukan untuk mendapatkan bahawa bagi pihak badan-badan beruniform ini untuk menyertai ataupun mendapat kemudahan daripada rumah awam Kerajaan, tetapi bagi pihak Menteri menjawabkan bahawa peruntukan ini ada. Tetapi setelah kita tinjau di peringkat Negeri tidak ada peruntukan untuk memberi peluang kepada pihak-pihak seperti Pegawai Polis dan juga Pegawai Penjara, mereka ini juga sama sepertimana rakyat biasa dan mereka ini juga kalau kita kaji daripada pengorbanan mereka terhadap negara adalah lebih besar daripada rakyat biasa.

Dengan yang demikian, saya rasa patut bagi pihak Kementerian yang berkenaan mengadakan satu keistimewaan untuk memberi peluang kepada pihak anggota-anggota badan beruniform ini untuk mendapatkan

peruntukan rumah kos murah di peringkat Negeri oleh kerana di Kerajaan Negeri ada satu clause yang mengatakan pihak-pihak badan-badan beruniform tidak akan dapat menyertai sepertimana orang awam. Inilah yang saya minta kepada pihak Menteri yang berkenaan supaya mengadakan satu clause untuk membolehkan badan-badan beruniform seperti Polis, Penjara dan sebagainya supaya mereka ini juga diberi peluang sama rata dengan rakyat biasa.

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalnya tidak berapa jelas oleh kerana Ahli Yang Berhormat telah memberi pandangan-pandangan, sukalah saya menjelaskan dua perkara.

Pertama, saya telah menjawabkan tadi bahawa Kerajaan-kerajaan Negeri yang membahagi-bahagikan rumah-rumah kos rendah memberi keutamaan kepada Anggota-anggota Keselamatan atas sumbangan yang telah diberi kepada keselamatan negara oleh Anggota-anggota Keselamatan. Jadi semua negeri-negeri dalam Malaysia mematuhi syarat ini dan ini adalah sudah jadi amalan biasa.

Yang kedua, Kerajaan-kerajaan Negeri dari pengetahuan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sehingga ini tidaklah melarang anggota-anggota beruniform dari memohon dan memiliki rumah kos rendah. Jika Ahli Yang Berhormat ada apa-apa maklumat bahawa mana-mana satu Kerajaan Negeri telah menghalang, Ahli Yang Berhormat bolehlah menyampaikan butir-butir itu kepada Kementerian untuk kajian dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din Jaafar.

**Tuan Ibrahim bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 11.

## SEKOLAH LUAR BANDAR DI SABAH-KEADAAN

**11. Tuan Ibrahim bin Salleh** (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa masih terdapat sekolah-sekolah luar bandar di Sabah tidak mendapat kemudahan yang memuaskan seperti kerusi yang menyebabkan murid-murid terpaksa duduk di atas lantai; jika sedar, apakah tindakan Kementerian Pelajaran untuk mengatasinya.

**Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran memang sedar tentang adanya kekurangan kemudahan di sekolah-sekolah dalam kawasan luar bandar di Negeri Sabah. Dalam hal ini, Kementerian saya sedang dan telahpun mengesan sekolah-sekolah yang berkaitan dan tindakan yang sewajarnya telah dan akan terus diambil bagi mengatasi masalah-masalah ini dari masa ke semasa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Basharon Hanapiah.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan ke 12.

## RAKYAT MALAYSIA MELAWAT KE CHINA

**12. Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar** (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramai rakyat Malaysia mengikut keturunan yang telah melawat Negeri China sehingga akhir bulan Februari 1984, dan sama ada di antara mereka yang tersebut tidak kembali ke Malaysia sehingga ke hari ini.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat ini tidak

## PELAJAR MALAYSIA MEMBURUKKAN KERAJAAN

**14. Tuan Haji Mohamed bin Yahya** minta Menteri Pelajaran mengenai penuntut-penuntut Malaysia yang belajar di luar negeri yang terlibat dengan kempen memburuk-burukkan Kerajaan untuk menyatakan:

- (a) berapa ramai penuntut-penuntut yang terlibat;
- (b) di negeri manakah perkara itu berlaku; dan
- (c) tindakan Kementerian Pelajaran kepada penuntut-penuntut yang terlibat, dan jika ada berapa ramaikah yang telah diambil tindakan.

**18. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau telah mengenalpastikan kumpulan-kumpulan pelajar Malaysia di luar negeri yang ingin mencuba menjatuhkan Kerajaan secara kekerasan; jika ya, apakah kumpulan-kumpulan itu, siapa yang menghasut mereka, di manakah mereka berpangkalan serta tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil terhadap kumpulan-kumpulan ini, dan juga nyatakan jumlah pelajar yang terlibat ini belajar atas pinjaman biasiswa Kerajaan atau Agensi-agensi Kerajaan.

**20. Tuan Shaharom bin Haji Maasom** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa ada penuntut-penuntut di atas biasiswa Kerajaan di luar negeri yang menentang Kerajaan dan memburuk-burukkan pemimpin-pemimpin kita; jika benar nyatakan:

- (a) jumlah penuntut-penuntut yang terlibat;
- (b) sebab-sebab mengapa tindakan memanggil balik penuntut-penuntut ini tidak dibuat; dan
- (c) sama ada Kerajaan akan membiarkan sahaja penuntut-penuntut ini terus menjalankan aktiviti menentang mereka sehingga tamat pelajaran mereka

**Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin supaya menjawab soalan 14, 18 dan 20 sekali dirangkumkan memandangkan bahawa tujuan soalan-soalan ini adalah serupa.

Setakat yang saya ketahui belum ada pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri yang memegang biasiswa Kerajaan yang telah dikenakan tindakan kerana memburuk-burukkan Kerajaan. Sebelum sesuatu tindakan dapat dijalankan, penyiasatan secara teliti akan dijalankan untuk memberi keadilan kepada semua pihak dan pelajar-pelajar diberi peluang membela diri. Penjelasan akan dikaji sama ada tindakan patut diambil khususnya bagi pelajar-pelajar yang ada kaitan melalui perjanjian dengan Kementerian. Jika penjelasan tersebut tidak memuaskan barulah Kementerian akan mengambil tindakan sewajarnya.

Pelajar-pelajar anjuran Kerajaan yang melanggar syarat-syarat perjanjian akan dikenakan tindakan menarik balik biasiswanya dan siarahkan pulang dengan segera. Kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pelajar jika terdapat bukti-bukti yang cukup dan jelas yang menunjukkan mereka menentang Kerajaan dan didapati melanggar syarat-syarat perjanjian. Tuntutan menuntut ganti rugi seperti yang disyaratkan dalam surat perjanjian akan dikenakan kepada para pelajar dan juga penjamin-penjamin mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin.

**Tuan Jaafar bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 15.

## PENJARA - KESESAKAN BANDUAN

**15. Tuan Jaafar bin Harun** (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar keadaan penjara kita sudah terlalu sesak dengan banduan-banduan dan

sama ada Kerajaan bercadang untuk membaiki keadaan penjara dan menambah kawalan keselamatan memandangkan jika dicampuradukkan penjenayah-penjenayah yang kecil dengan penjenayah-pejenayah yang besar akan membawa akibat buruk kepada negara kita.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, adalah benar terdapat beberapa penjara di negara ini yang mengandungi jumlah banduan yang melebihi jumlah optima, dari yang sepatutnya. Namun demikian ini tidaklah bermakna bahawa jumlahnya telah sampai ke tahap yang meruncing yang boleh menjejaskan keseluruhan pelaksanaan tugas dan tanggungjawab Jabatan Penjara untuk mengawal dan melaksanakan usaha-usaha pemulihan banduan-banduan berkenaan.

Kerajaan sentiasa berusaha untuk memperbaiki keadaan penjara-penjara di negara ini menerusi rancangan pembinaan penjara-penjara baru seperti di Penor (Pahang), Kluang (Johor) dan Pokok Sena (Kedah). Di samping itu juga kerja-kerja membesar dan mengubahsuai penjara-penjara yang sedia ada terus diusahakan seperti di Penjara-penjara Taiping, Alor Star, Pulau Pinang dan Seremban.

Banduan-banduan yang ditempatkan di dalam sesebuah penjara adalah dipisah dan diasingkan mengikut kategori tertentu yang berasaskan kepada faktor-faktor seperti jenis kesalahan, jenis hukuman dan tempoh hukuman. Ini bererti banduan yang berkecenderungan jenayah, dengan izin, criminal tendencies dan banduan-banduan hard core diasingkan dari banduan-banduan yang telah melakukan kesalahan-kesalahan kecil. Banduan-banduan yang menjalani tempoh hukuman yang panjang dipisahkan dari banduan yang menjalani tempoh hukuman singkat.

Selain dari itu terdapat penjara-penjara di mana ditempatkan banduan-banduan dalam golongan tertentu, misalnya, di Penjara Seremban

banduan-banduan yang terlibat dengan kes-kes dadah ditempatkan manakala di Penjara Terbuka, Marang, ditempatkan banduan yang mempunyai baki tempoh hukuman yang singkat serta mudah dikawal (low risk security prisoners).

**Puan Hasnah binti Mohd. Kasim:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, ekoran daripada Penjara Terbuka yang ada di Terengganu yang terlepas banduannya ada dua atau tiga orang kalau tak salah saya, ada yang telah dijumpai dan adakah yang masih belum dijumpai oleh pihak yang berkenaan?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut ingatan saya mereka telahpun dijumpai.

#### GURU SEMENTARA

**16. Puan Nen Abidah binti Abdullah** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada guru-guru sementara yang berkhidmat akan diserapkan kepada kerja tetap; jika ya bila dan jika tidak mengapa.

**Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk menyerapkan guru-guru sementara yang tidak terlatih tetapi sedang berkhidmat dengan Kementerian Pelajaran. Namun begitu jika mereka bercadang untuk menjadi guru tetap, peluang-peluang telah terbuka kepada mereka untuk mengikuti kursus-kursus perguruan yang disediakan oleh Kementerian saya dengan syarat mereka hendaklah terlebih dahulu memenuhi syarat-syarat kemasukan yang telah ditetapkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Alexander Y. L. Lee

**Tuan Haji Latip bin Haji Dris:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 17.

#### KEMUDAHAN API/AIR DI WILAYAH PERSEKUTUAN

**17. Tuan Haji Latip bin Haji Dris** (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri

Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kemudahan-kemudahan seperti api dan air di Wilayah Persekutuan tidak dapat menampung perkembangan pembangunan dan sama ada beliau sedar juga didapati beberapa bangunan dan projek-projek perumahan yang telah siap tetapi tidak boleh didiami kerana tidak mencukupi bekalan api dan air dan nyatakan juga sama ada beliau mempunyai satu Jawatankuasa untuk menyelaras kelulusan projek-projek pembangunan dengan kemudahan-kemudahan unfastruktur tersebut.

**Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian saya tidak nampak akan kekurangan yang timbul dalam menyediakan kemudahan-kemudahan seperti api dan air di Wilayah Persekutuan. Walau bagaimanapun Kementerian saya menyedari akan kelewatan yang timbul dalam membekalkan bekalan api dan air untuk projek-projek pembangunan perumahan dan bangunan-bangunan yang kian pesat membangun.

Kemudahan-kemudahan infrastruktur adalah dijalankan oleh jabatan-jabatan yang berasingan. Menyedari hakikat inilah maka satu Jawatankuasa Tindakan Wilayah Persekutuan telah ditubuhkan di Kementerian saya yang di antara lain adalah untuk mengatasi atau menyelesaikan kes-kes semasa yang berbangkit termasuk bekalan air dan api di Wilayah Persekutuan. Kementerian Wilayah Persekutuan sebagai badan yang bertanggungjawab bagi perancangan dan penyelarasan projek-projek pembangunan di Wilayah Persekutuan sentiasa memastikan kepada semua jabatan-jabatan atau agensi-agensi yang menyediakan infrastruktur akan projek-projek pembangunan sejak dari peringkat paling awal. Kerjasama daripada jabatan-jabatan seperti Lembaga Letrik Negara, Jabatan

Telekom, Jabatan Kerja Air, Jabatan parit dan Taliair dan lain-lain jabatan/agensi yang berkaitan dengan Dewan Bandaraya dipastikan untuk menentukan keperluan kemudahan-kemudahan infrastruktur. Ini terutamanya bagi kawasan-kawasan pembangunan yang baru seperti projek Bandar baru Wangsa Maju. Dalam pada itu Kementerian saya akan juga memastikan agar pelaksanaan atau kerja-kerja yang berkaitan tidak akan memberikan gangguan kepada orang ramai.

Kementerian saya juga akan memastikan dari masa ke semasa agar keperluan infrastruktur cukup disediakan bagi penduduk Wilayah Persekutuan dengan memberikan maklumat sepenuhnya mengenai semua projek pembangunan yang dirancang dan dilaksanakan serta menyelaraskan semua program pembangunan keperluan infrastruktur dengan baik di anatara satu sama yang lain.

## PEMBORONG BUMIPUTERA – RANCANGAN MELATIH

**19. Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kerajaan ada rancangan untuk melatih bakal pemborong-pemborong Bumiputera, jika ya, nyatakan bila dan bagaimana rancangan ini akan dijalankan dan jika tidak berikan sebab-sebabnya.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sejak tahun 1978 lagi telah menyedari betapa pentingnya latihan diberi kepada bakal-bakal dan pemborong-pemborong bumiputera untuk membantu mereka menghadapi cabaran yang akan mereka alami semasa men-ceburi urusan pemborongan.

Sehingga ke hari ini, Kementerian Kerja Raya telah mengadakan rancangan-rancangan latihan kepada bakal-bakal dan kontraktor-kontraktor

bumiputera seperti berikut:-

- (a) 52 kursus Asas Binaan dengan 1,771 peserta;
- (b) 9 kursus lanjutan binaan dengan 416 peserta; dan
- (c) 9 forum kontrak binaan dengan 237 peserta.

Sehingga ke hari ini saya amat berpuas hati dengan keupayaan dan kegigihan kontraktor-kontraktor bumiputera yang sanggup menerima dan menghadapi segala cabaran-cabaran yang dialami dan membuktikan keupayaan melaksanakan kerja yang diberikan kepadanya.

Dengan tulus ikhlas, saya ingin menyatakan, memandangkan kaum bumiputera begitu gigih dan serius di dalam meninggikan keupayaan dan mutu kerja, Kementerian saya akan memastikan bahawa rancangan latihan ini akan terus diadakan dari masa ke semasa.

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:**

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah dengan perasaan tulus ikhlasnya untuk membimbing pemborong-pemborong bumiputera dalam mencapai kejayaan. Dengan tulus ikhlas juga saya bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sedarkah Yang Berhormat Menteri Kerja Raya bahawa banyak pemborong-pemborong bumiputera yang telah gulung tikar.

Apakah faktor yang menyebabkan pemborong-pemborong bumiputera ini gulung tikar.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, seperti apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu, itu secara umum. Saya harap jikalau Ahli Yang Berhormat boleh juga memberi maklumat kepada saya, saya akan mengambil tindakan, saya boleh memberi satu jawapan yang lebih lanjut daripada apa yang saya berikan tadi.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, kita menyanjung tinggi di atas usaha-usaha yang dijalankan oleh Kementerian ini di dalam memberi latihan semenjak tahun 1978 dan sebagainya, di mana sebahagian besar pemborong-pemborong bumiputera ini telah mendapat pengalaman dan latihan. Tetapi adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa kursus sahaja dengan peluang kerja yang terhad, ilmu yang didapati daripada kursus ini akan seolah-olah seperti embun di hujung rumput sahaja. Dia akan habis lenyap. Apa salahnya jika pihak Kementerian ini menggubal dasar yang baru iaitu daripada memberikan tender kepada, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, the same contractor all over the place. Katakanlah sampai lima atau sepuluh tender dalam sesuatu tempat. Apa salahnya sistem tender ini diubah di mana seorang kontraktor yang sudah berjaya dua, tiga kontrak dikecualikan daripada mendapat tender dalam sebarang kerja-kerja yang lain.

Dengan yang demikian, pemborong-pemborong yang ramai ini mungkin dapat peluang untuk menggunakan kursus yang sudah diperolehi. Adakah pihak Kementerian bercadang akan berbuat begitu.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, memberi kursus bukan berertinya mereka boleh terus mendapat kerja dari Jabatan Kerja Raya. Tiap-tiap tawaran dibuat oleh kontraktor-kontraktor walaupun mereka sudah dapat dua atau tiga kerjakah atau tidak mengikut harga yang sepatutnya sudah ditentukan oleh JKR, mereka akan mendapat tawaran itu.

Saya tidak boleh memberi apa-apa pertimbangan kepada kontraktor sesiapa yang tidak ada kerja tetapi tugas kami ialah menjaga kepentingan duit rakyat. Apabila dapat peluang untuk menyimpan duit rakyat, itulah tugas saya dan saya akan memberi kerja itu kepada kontraktor yang paling murah.

Tetapi ada jugalah dalam Kementerian saya telah mengambil beberapa tindakan atas kontraktor-kontraktor yang menerima tiga atau empat kerja tetapi tidak menjalankan kerja itu dan masa itu apabila kita batalkan kontraknya itu, ada juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang menimbulkan mengapa saya membatalkan kontrak.

Jika saya ikut cara inipun susah juga, ikut cara yang lain-pun susah juga. Walau bagaimanapun, saya berjanji kepada Ahli Yang Berhormat, saya adalah dalam perhatian saya iaitu apabila sudah nampak kontraktor bumiputera dengan pengalaman dan tenaga manusia dan juga cara teknik, kita akan memberi pertimbangan khas kepada mereka.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soal kontraktor bumiputera ini, Tuan Yang di-Pertua, memang selalu dibincangkan. Oleh itu sebagai jawapan daripada Yang Berhormat Menteri memang sedap. Tetapi apa yang dirasakan oleh kaum-kaum bumiputera yang menjadi kontraktor itu amat menyedihkan.

Oleh itu, dalam masalah ini, saya berharap Kementerian Kerja Raya, Yang Berhormat Menteri supaya berhati-hati. Tadi Yang Berhormat mengatakan supaya diberi kepada kontraktor-kontraktor ataupun pen-tender-pentender yang murah, akibatnya boleh kita lihat pada hari ini, umpamanya, baharu ini hari Hospital Besar Universiti telah retak dan sebagainya.

Dan ada lagi jabatan-jabatan Kerajaan yang lain pun retak-retak juga. Apa sebabnya. Oleh itu, kita berharaplah supaya jangan diberi seorang itu terlampau banyak tender-tender ataupun kerja-kerja, tetapi kami hendakkan dibahagi sama rata, sama rasa, jadi kontraktor bumiputera akan berjalan maju. Saya hendak harap ini

dijalankan oleh Yang Berhormat Menteri.

**Dato' S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan iaitu berkenaan dengan Hospital Universiti bukanlah dalam tanggungjawab saya.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, Hospital Besar.

**Dato' S. Samy Vellu:** Hospital Besar inipun termasuk dalam tanggungjawab Kementerian Kesihatan sekarang. Walau bagaimanapun perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat saya ambil perhatian. Di masa hadapan jikalau ada juga apa-apa masalah daripada Ahli Yang Berhormat sendiri pun, saya boleh ambil tindakan (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Maasom.

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya telah dijawab tadi oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran, dan saya puas hati.

## DADAH-TINDAKAN PENYALAHGUNAAN

**21. Dato' Chin Kim Yoong** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan bertindak lebih tegas lagi kepada mereka yang terlibat di dalam penyalahgunaan dadah memandangkan mereka ini bila sahaja terlibat selalunya tidak menjadi manusia biasa dan sama ada beliau akan memberi hukuman berat kepada mereka yang terlibat.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, penagih dadah adalah golongan manusia yang menghadapi masalah psikososial dan dari itu lebih memerlukan rawatan dan pemulihan daripada dihukum. Undang-undang yang ada sekarang menitikberatkan aspek rawatan dan pemulihan bagi golongan ini agar di akhir proses

pemulihan mereka dapat dikembalikan kepangkuan masyarakat bebas dari dadah dan menjadi rakyat yang produktif.

Program-program yang dilaksanakan merangkumi aspek-aspek rawatan dan pemulihan yang bertujuan menjadikan penagih-penagih tabah hati dan berazam untuk berdikari dan hidup tanpa dadah. Program-program ini sentiasa diulangkaji dan diperbaiki dan jika perlu pindaan undang-undang dilaksanakan supaya ia menjadi lebih berkesan.

Di samping itu Kerajaan sentiasa mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang menyeludup, mengedar atau menjual dadah. Bagi golongan ini hukuman seberat-beratnya termasuk hukuman gantung sampai mati dikenakan terhadap mereka yang didapati bersalah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Noor bin Bedah.

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 22.

#### MURID-MURID SEKOLAH MENENGAH – DISIPLIN

**22. Tuan Haji Shaharom bin Maasom** (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa mutu disiplin di kalangan murid-murid Sekolah Menengah semakin merosot dan membimbangkan; jika sedar, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran bagi mengatasi perkara ini.

**Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat adalah tidak berapa tepat keadaan disiplin murid-murid sekolah menengah semakin merosot sebagaimana yang didakwakan.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, apa yang lebih penting ialah

bahawa pihak Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha untuk meningkatkan disiplin murid-murid melalui berbagai langkah. Diantara langkah-langkah yang terbaru yang dilaksanakan adalah seperti berikut:-

Memperkemaskan surat-surat pekeliling yang ada serta mengeluarkan surat-surat pekeliling yang baru mengenai disiplin di sekolah-sekolah.

Mengadakan kursus-kursus dan ceramah-ceramah mengenai disiplin sekolah kepada guru-guru dan guru-guru besar.

Penubuhan Jawatankuasa Hal Ehwal murid di peringkat sekolah dan daerah.

Menerbitkan empat buah buku panduan mengenai disiplin sekolah untuk guru-guru dan guru-guru besar dan juga ibu bapa. Buku-buku ini adalah:

Panduan disiplin sekolah-sekolah 1981;

Panduan bagi ibu bapa mengenai disiplin murid-murid sekolah 1982;

Panduan tatacara disiplin sekolah untuk guru-guru besar dan guru-tahun 1983; dan

Mencegah salahguna dadah melalui counselling tahun 1983.

Menjalankan program-program disiplin di peringkat sekolah dari semasa ke semasa dan menjalankan penyeliaan yang kerap ke sekolah-sekolah yang banyak masalah disiplin dan menegaskan lagi pelaksanaan amalan Kepimpinan Melalui Teladan di sekolah-sekolah disamping mengadakan kerjasama dengan pihak Polis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan.

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 23.

## BELIA-LATIHAN ALA TENTERA

**23. Tuan Haji Shaharom bin Maasom** (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan tidakkah pihak Kementerian-nya bercadang mengadakan latihan-latihan ala tentera kepada ahli-ahli pertubuhan belia sebagai melatih dan menanam semangat dan sikap disiplin dan hormat menghormati.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi soalan ini bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Kementerian ini sedar bahawa ahli-ahli pertubuhan belia perlu ditanamkan semangat dan sikap disiplin dan hormat menghormati. Walau bagaimanapun, ada berbagai-bagai cara untuk mencapai tujuan ini.

Latihan-latihan ala tentera merupakan hanya salah satu cara untuk mencapai hasrat itu. Dalam hubungan ini pertubuhan belia beruniform seperti Pengakap, Persatuan Bulan Sabit Merah, St. John dan Pandu Puteri memangnya ada menjalankan beberapa aspek latihan ala tentera bagi ahli-ahli mereka.

Kementerian ini juga ada menjalankan latihan seumpama itu di Pusat-pusat Latihan Belia Dusun Tua dan Kuala Trengganu. Selain daripada itu, Kementerian ini melaksanakan projek-projek seperti kursus-kursus kepimpinan dan keugamaan, bengkel, ceramah kerja dan rancangan pertukaran belia bagi tujuan yang sama. Oleh itu Kementerian ini tidak bercadang mengadakan latihan-latihan ala tentera bagi semua pertubuhan belia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan D. P. Vijandran.

**Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 24.

## AHLI-AHLI PARLIMEN - PENERANGAN DASAR KERAJAAN

**24. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman** (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada pihak Kerajaan akan menubuhkan suatu Badan Penyelidikan Khas untuk memberi penerangan kepada Ahli-ahli Parlimen.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, maklumat atau penerangan mengenai dasar dan pelaksanaan projek-projek Kerajaan sememangnya disalurkan kepada Ahli-ahli Parlimen dari semasa ke semasa. Satu daripada cara yang berkesan menyalurkan maklumat dan penerangan tersebut ialah melalui Laporan Tahunan Suruhanjaya-suruhanjaya yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan dan juga Laporan Tahunan bagi Badan-badan Kerajaan yang ditubuhkan melalui Akta Parlimen.

Urusan soal jawab, perbahasan atau belanjawan dan Rancangan-rancangan Lima tahun Kerajaan termasuk Kajian Separuh Penggal Rancangan-rancangan tersebut adalah juga merupakan saluran yang tidak kurang pentingnya bagi memberi penerangan kepada Ahli-ahli Parlimen. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan satu badan penyelidikan khas bagi memberi penerangan kepada Ahli-ahli Parlimen dan memadamkan jika jentera Kerajaan yang sedia wujud digunakan.

## PEGAWAI PERUNDANGAN YANG MELETAKKAN JAWATAN

**25. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** minta Perdana Menteri menyatakan bilangan Pegawai-pegawai

Perundangan yang telah meletakkan jawatan pada tahun 1981, 1982 dan 1983.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin juga untuk menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama Ahli Yang Berhormat bermaksud dengan soalnya Pegawai-pegawai Perundangan sahaja ataupun Pegawai-pegawai Kehakiman dan Perundangan. Oleh kerana itu saya ingin memberikan jumlah bilangan Pegawai-pegawai Kehakiman dan Perundangan yang telah meletakkan jawatan mereka dalam tahun-tahun berkenaan. Bilangan itu adalah seperti berikut:-

Tahun	Perletakan Jawatan		Jumlah
	Perundangan	Kehakiman	
1981	4	8	12
1982	15	11	26
1983	11	19	30

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Rokiah binti Zainuddin.

**Tuan Jaafar bin Harun:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 26.

#### BANDUAN PENJARA SEUMUR HAYAT

**26. Tuan Jaafar bin Harun** (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan banduan-banduan yang menjalani hukuman penjara "seumur hayat" di negara kita.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah banduan-banduan yang menjalani hukuman penjara seumur hayat di negara ini adalah seramai 70 orang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh kerana Yang Berhormat Menteri hadir di dalam Dewan ini, soalan No. 3 bolehlah diberi jawapan sekarang. Yang Berhormat Tuan Ibrahim bin Salleh.

#### FELDA – PENEROKA YANG DISINGKIR

**3. Tuan Ibrahim bin Salleh** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) bilangan peserta-peserta FELDA yang telah disingkirkan kerana didapati menentang dasar Kerajaan dan mencaci Kerajaan di tiap-tiap Rancangan FELDA yang terlibat; dan
- (b) sama ada Kerajaan ada rancangan bagi pengambilan peserta-peserta Felda yang akan datang disusun semula, supaya tiap-tiap peserta betul-betul menyokong Kerajaan.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a), sehingga masa ini seramai 3,605 orang peneroka telah disingkir dari rancangan. Ini merupakan 4.3% daripada jumlah peneroka yang seramai 83,673 keluarga. Dari jumlah tersebut sejumlah 3,498 telah disingkir kerana meninggalkan rancangan dengan kehendak mereka sendiri tanpa kebenaran Pentadbiran Rancangan.

Manakala seramai 107 lagi telah disingkir kerana melakukan kesalahan-kesalahan yang bertentangan dengan syarat-syarat penempatan peneroka FELDA. Di antara 107 orang itu termasuklah peneroka-peneroka yang dianggap sebagai menentang dasar Kerajaan.

Bagi menjawab soalan (b), Kerajaan akan meneruskan peraturan-peraturan yang berjalan sekarang bagi pengambilan peserta-peserta FELDA, di mana sesuai syarat-syarat baru akan dikenakan dan ini adalah akan dicapai

menerusi rundingan semula dengan Kerajaan Negeri. Salah satu daripada syarat-syarat baru itu ialah untuk menentukan sikap, pendirian dan kecekalan seseorang calon untuk menjadi peneroka itu sebelum mereka diterima masuk.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1982 DAN 1983)

#### Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (12hb April, 1984).

3.57 ptg.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sekali lagi untuk menyambung ucapan saya pada hari semalam dalam menyokong Rang Undang-undang bagi menambahkan peruntukan tambahan bagi tahun 1982 dan 1983.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya nyatakan pada hari semalam berkenaan dengan B. 63 iaitu Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Dalam masalah ini saya berharap peruntukan tambahan ini digunakan sedikit untuk menyelesaikan masalah perenggan yang dihadapi oleh Kerajaan Negeri Perlis dan juga Kerajaan Malaysia di antara negeri Thai dengan negeri Perlis yang mana perenggan antara dua buah negeri itu sekarang ini dalam keadaan yang amat membimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi B. 27, Kementerian Pelajaran, saya berharap peruntukan yang diminta oleh pihak Kementerian berkenaan iaitu untuk membelanjakan perkara-perkara yang

saya akan sebutkan sedikit demi untuk kepentingan masyarakat dan negara kita.

Yang pertama, tidak lama dahulu pihak Kerajaan ataupun pihak Kementerian Pelajaran telah membuat peruntukan ataupun telah meluluskan gaji kepada pensyarah-pensyarah universiti dan juga pensyarah-pensyarah maktab tetapi kepada pensyarah-pensyarah universiti adalah jelas telah dijanjikan oleh pihak Kementerian Pelajaran. Pada hari ini pihak Kementerian tidak lagi melaksanakan janji yang saya maksudkan itu. Di sini saya berharap kepada Kementerian Pelajaran dalam peruntukan ini dapat melaksanakan janjinya itu kerana saya rasa dan saya takut pensyarah-pensyarah ini akan merajuk dan ramai pula akan meninggalkan jawatan mereka. Saya takut, ragu dan bimbang kalau-kalau universiti kita akan gagal untuk membanyakkan penuntut-penuntut yang berkelulusan tinggi kerana pensyarah tidak cukup dan kita sekarang masih lagi mendirikan universiti yang baru iaitu Universiti Utara. Saya harap sebelum perkara ini berlaku, kita berharaplah pihak Kerajaan dapat melaksanakan janji-janji yang telah dijanjikan kepada mereka itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga bercakap berkenaan dengan B. 36 iaitu Kementerian Dalam Negeri. Dengan peruntukan ini saya berharap kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya melaksanakan kawalan di sempadan antara Kelantan dengan Thailand, dan juga Perlis dengan Thailand mengenai penyeludupan daging-daging mentah dari negeri Siam yang sekarang berlaku dengan begitu rancak sekali. Sekarang ini mereka tidak lagi menyeludup lembu ataupun kerbau. Tetapi mereka ubah taktiknya dengan menyeludup daging mentah iaitu daging yang disembelih terlebih dahulu daripada sebelah Siam dan diseludup ke Malaysia kita.

Ada dua perkara yang membimbangkan kita dengan penyeludupan yang demikian. Terutama sekali kita tidak tahu sama ada daging itu mengandungi kuman yang kita takuti iaitu kerana tidak diperiksa oleh pihak yang berkenaan, pihak Jabatan Kesihatan. Jadi ini yang kita bimbang. Yang kedua, lembu-lembu di negeri Thailand sekarang telah pun melambung harganya kerana penyeludupan daging mentah sedang berlaku. Ini sedikit-sebanyak merugikan negara kita di sebelah Malaysia ini. Kerana kita terpaksa mengimport lembu dengan harga yang mahal daripada negeri Thailand.

Yang akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan B. 37 Polis di-Raja Malaysia. Saya juga ada rungutan daripada kakitangan Polis mengatakan pihak-pihak Polis yang memegang sesuatu jawatan hingga lima, enam, tujuh tahun, 10 tahun tidak diserapkan kepada jawatan yang dipangkunya hingga kepada hari ini. Kadang-kadang ada yang setengah sampai 10, 15 tahun. Jadi kita harap kepada pihak Kementerian yang berkenaan supaya perkara ini dapat dibereskan demi untuk kepentingan pegawai-pegawai yang berkenaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya, saya berharaplah kepada Kementerian-kementerian berkenaan supaya dapat mempergunakan wang peruntukan ini dengan keadaan yang baik dan tidak menjalakan dengan boros demi untuk kepentingan negara kita dan saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini.

4.03 ptg.

**Tuan K. Kumaran:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun di Dewan yang Undang-undang Akta bagi menggunakan wang dari Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1982 dan 1983 bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu. Seperti sedia maklum, tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk

memberi kuasa berkanun supaya beberapa pembayaran-pembayaran tambahan tertentu dibuat untuk Perkhidmatan-perkhidmatan Awam di Persekutuan dalam tahun 1982 dan 1983 melebihi perbelanjaan yang dibenarkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang pertambahan perbelanjaan bagi Kementerian Pelajaran sebanyak \$14.6 juta di bawah Maksud B.27. Walaupun saya menyokong pertambahan perbelanjaan ini saya ingin menarik perhatian kepada pelaksanaan dan pengajaran bahasa ibunda di sekolah-sekolah di mana peruntukan elaun mengajar dikurangkan. Perurangan elaun ini seharusnya mengurangkan lagi peruntukan bagi Kementerian Pelajaran. Tetapi apa yang berlaku adalah sebaliknya. Saya harap elaun mengajar bahasa ibunda itu ditambahkan lagi. Pada masa ini elaun mengajar bahasa ibunda adalah amat berkurangan. Lebih kurang daripada elaun kakitangan penting yang mengajar dan memberi kursus KBSR kepada guru-guru sebagai latihan dalam perkhidmatan. Elaun ini juga kurang daripada elaun yang diberikan kepada guru-guru yang mengajar kelas-kelas perpaduan rakyat di mana kelayakan guru tidak langsung diambil kira. Untuk mengatasi situasi ini, elaun yang lebih berpatutan hendaklah diberi kepada guru-guru yang mengajar bahasa ibunda. Kekurangan pembayaran elaun ini adalah satu daripada sebabnya, pengajaran bahasa ibunda tidak begitu memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, pengajaran bahasa ibunda adalah satu perkara yang telah dijamin oleh sistem pelajaran di negara ini semenjak tahun 1956. Tetapi semenjak Laporan Razak itu diimplementasikan dan keadaan pengajaran bahasa ibunda runtuh amat dikecewakan. Taraf dan standard pengajaran bahasa ibunda runtuh akibat beberapa faktor. Faktor-faktor kegagalan kelas-kelas bahasa ibunda ini adalah:

Pertama, kelas-kelas ibunda diada-

kan luar waktu sekolah dan diperuntukkan masa yang tidak cukup.

Kedua, ibubapa murid-murid tidak diberitahu tentang penyusunan dan jadual waktu kelas-kelas bahasa ibunda ini.

Ketiga, pentadbiran sekolah yang lemah yang mengakibatkan kepentingan murid-murid dan tiada kawalan tertentu serta tindakan tatatertib terhadap murid-murid yang ponteng.

Oleh kerana kelas-kelas bahasa ibunda diadakan luar waktu sekolah, murid-murid lebih mengutamakan dan hadir kelas kegiatan kumpulan dan tuition untuk mencapai keputusan yang elok pada waktu yang sama. Murid-murid yang terpaksa balik ke rumah sebelum kembali belajar kelas bahasa ibunda mengalami kos pengangkutan yang banyak dan murid-murid yang tinggal di sekolah tidak akan dapat makanan tengahari yang memuaskan. Perkara-perkara ini melemahkan lagi prestasi bahasa ibunda.

Tuan Yang di-Pertua, situasi yang lemah begini hendaklah diperbetulkan dengan segera. Oleh yang demikian, kelas-kelas ibunda hendaklah diadakan semasa sekolah biasa dan dimasukkan ke dalam jadual waktu sebagai satu matapelajaran biasa di sekolah. Pelajaran bahasa ibunda hendaklah dijadikan sebagai satu matapelajaran compulsory di mana semua pelajar dikehendaki belajarnya. Sukatan pelajaran yang tertentu hendaklah diadakan untuk matapelajaran ini dan matapelajaran ini hendaklah diajarkan oleh guru-guru yang terlatih tetap di sekolah itu. Saya berharap situasi yang ideal ini dapat dicapai oleh Kementerian dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya ingin menyentuh adalah berkenaan dengan Kementerian Dalam Negeri, di bawah peruntukan Maksud B.36. Saya merayu kepada Menteri Dalam Negeri untuk mempercepatkan lagi proses kelulusan

taraf kerakyatan kepada pemohon-pemohon. Ada di antara pemohon yang lahir di negara ini tetapi apabila mohon kerakyatan, mereka tidak diberi status kewarganegaraan Malaysia. Selepas tamat persekolahan, awak-awak muda ini tidak dapat masuk pasaran pekerjaan atau institusi-institusi pengajaran tinggi lalu menjadi masalah sosial kepada negara. Seringkali pemohon-pemohon akan mendapat jawapan yang standard: "Permohonan dalam tindakan terakhir," apabila mendesak memberi jawapan. Walaupun begitu proses tindakan akhir ini kadangkala mengambil masa yang agak panjang sehingga lima hingga enam tahun. Saya berharap Kementerian buat satu keputusan itu dengan segera dan tidak payahlah pemohon-pemohon menunggu bertahun-tahun untuk sesuatu keputusan.

Satu perkara yang saya ingin menyentuh di bawah Maksud B.7 Jabatan Perdana Menteri. Walaupun perkara ini tidak ada perhubungan direct dengan Jabatan Perdana Menteri, tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil perhatian berat tentang perkara ini.

Saya mengalu-alukan langkah Kerajaan memberi tanggagaji baharu untuk para doktor agar mereka kekal dengan perkhidmatan Kerajaan. Saya berharap skim baharu ini memberi gaji yang lebih baik kepada para doktor Kerajaan dan memberi mereka lebih banyak prospect untuk menduduki skim superscale yang pada waktu ini hanya boleh dinikmati oleh doktor-doktor pakar-pakar sahaja.

Saya juga menyokong langkah Kerajaan mengambil pakar dari luar negeri untuk berkhidmat di Malaysia dalam waktu yang tetap dan singkat, tetapi langkah-langkah yang diambil ini pada pendapat saya tidak akan menyelesaikan masalah kekurangan doktor-doktor pakar dari segi jangka panjang. Apabila Kerajaan menaikkan gaji doktornya, pihak swasta tentu akan langkah-langkah yang serupa dalam usaha menggalakkan para doktor terus

berkhidmat dengan mereka, akibatnya jurang di antara gaji perkhidmatan Kerajaan dan swasta akan kembali ke takuk lama. Begitu juga pengambilan doktor pakar dari luar negeri. Selepas tamat perkhidmatan mereka siapakah yang akan mengisi tempat mereka. Kita tidak boleh mengekalkan khidmat mereka. Oleh yang demikian, Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah jangka panjang untuk menyelesaikan masalah ini. Doktor-doktor pakar hendaklah dilatih di dalam negeri dan tidak sangat bergantung kepada latihan luar negeri.

Saya yakin dan percaya fakulti-fakulti perubatan di universiti-universiti kita mempunyai daya dan ability bagi tujuan tersebut. Kerajaan hendaklah mengizinkan doktor pakar Kerajaan menjadi "consultant" di hospitalnya di kala yang sama. Isteri-isteri asing warganegara Malaysia yang mempunyai kelayakan doktor hendaklah diberi peluang berkhidmat dengan Kerajaan dan juga diberi permanent resident status. Masalah kekurangan doktor pakar hendaklah diberi perhatian serius oleh semua pihak terutama sekali universiti-universiti tempatan. Tiga buah universiti di negara ini sudahpun memilih fakulti-fakulti perubatan mereka sendiri. Dari segi jangka panjang mereka patut memberi perhatian yang lebih besar dalam melatih doktor-doktor pakar. Unit-unit kepakaran seperti Unit Jantung, Unit Mata dan sebagainya hendaklah dipoperate dengan sepenuhnya agar memberi perkhidmatan kesihatan lebih selesa lagi.

Dengan harapan ini saya menyokong Akta Perbekalan Tambahan ini. Sekian, terima kasih.

4.14 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil sedikit perbincangan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1982 dan 1983) yang mana telahpun

dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan pada petang semalam bagi perbelanjaan tambahan 1982 yang berjumlah \$8,170,000 bagi Kumpulan Wang Disatukan dan perbelanjaan tambahan bagi 1983 berjumlah \$2,735,371,562. Tambahan-tambahan itu adalah sebagai jadual-jadual yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam.

Di sini saya ingin untuk memberi pandangan dan juga teguran di atas perbelanjaan tambahan-tambahan yang begitu banyak, sungguhpun perbelanjaan asal telahpun diperuntukkan tetapi tidak mencukupi disebabkan satu-satu perkara dijangka perbelanjaan itu meningkat.

Pertama, saya ingin menyentuh soal Perbekalan B.1 - Parlimen yang berjumlah \$956,300. Saya rasa elok kita mulakan daripada rumah kita sendiri dahulu, kemudian saya akan bawa ke tempat-tempat lain. Umpamanya, perbelanjaan tambahan ini bagi membaiki Dewan syukur alhamdulillah, saya rasa pembesar suara buat masa ini memang sudah elok didengar dan juga cantik. Tetapi masalah kerusi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua masih juga kerusi lama, kalau dibandingkan dengan kerusi Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, saya rasa sudah bertukar, apa salahnya diminta tukar juga dan tempat-tempat duduk ini juga masih saya rasa ada terjungkit, ada yang tidak betul dan sebagainya. Dan yang anih sekali perkara ini kecil, tetapi saya rasa patut ditegur iaitu tandas-tandas.

Pada satu masa dahulu juga saya telah menyuarakan. Cuba kita pergi ke semua tandas yang ada di Parlimen ini, semuanya banjir. Apa sebabnya, sehinggakan kita hendak ambil air sembahyang tidak boleh, kerana kaki seluar ini kena air dan juga dalam tandas kertas yang bersepah, air yang berlimpah; tandas yang sudah dibetulkan nampaknya betul tetapi masih begitu juga. Oleh itu, saya

berharaplah kepada pegawai-pegawai Parlimen yang bertanggungjawab supaya memperkemaskan dan mencantikkan kerana tandas ini juga dua hari saya hendak pergi ke tandas terpaksa pergi ke sana ke sini kerana kesemuanya berair. Dan yang malangnya pula semua plug-plug yang ada semuanya sudah tanggal, semua tidak dipasang tetapi wang kita sudah beri, perbelanjaan telah diberi untuk kemudahan ini dibaiki tetapi masih begitu juga. Oleh itu saya berharap dalam keadaan ini supaya dapat dibetulkan dengan seberapa segera yang boleh kerana kebersihan saya rasa salah satu daripada rukun Islam, kerana orang Islam hendakkan bersih. Lebih-lebih lagi kami ini kadang-kadang kalau hendak bersembayang, kerana kalau sudah terkena kaki seluar ini basah oleh air yang kotor kita tidak sah untuk bersembayang.

Keduanya, soal Perbekalan B.2 – Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang mana semalam telahpun diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu wang-wang ini adalah bekalan ataupun tambahan subsidi minyak yang telah diberi kepada kita yang berjumlah \$6,034,669 yang telah diperbekalkan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini. Dalam masalah ini juga saya berharap Kementerian Perdagangan ini supaya berusaha bagi memperluaskan perdagangan kita di luar negeri. Kerana selalu kita dengar rombongan pedagang-pedagang pergi ke luar negeri mencari perdagangan hendak membawa ke dalam negeri ini tetapi apa yang kita lihat begitu juga.

Umpamanya, tahun yang lalu saya pergi ke Mekah menunaikan fardu Haji. Kita lihat jarang sangat pengeluaran-pengeluaran barang kita dalam negeri ini yang ada di negeri Mekah itu, sedangkan belacupun ada di sana, minyak kelapa, kelapa kering semuanya datang daripada Singapura. Apa sebab tidak datang daripada negara kita, ini kita hendak tahu. Apa kerjanya Kementerian ini? Adakah hendak cari

perdagangan yang besar-besar? Perkara-perkara ini tiap-tiap tahun digunakan dan begitu juga di negeri-negeri Islam yang lain. Sepatutnya Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini supaya memperluaskan sebab peruntukan-peruntukan telah diberi supaya dapat dijalankan ataupun memperluaskan lagi perdagangan kita di luar negeri.

Lagi satu ialah Maksud B.30 Perkhidmatan Am Perbendaharaan yang berjumlah \$272,649,400 yang mana perkhidmatan ini mengeluarkan wang yang begitu banyak, pertambahan-pertambahan yang begitu banyak tetapi perkhidmatan yang begitu banyak tetapi perkhidmatan-perkhidmatan dalam Perbendaharaan ini yang dikatakan, saya minta maaf tadi saya mengatakan subsidi petrol; ini yang sebenarnya subsidi petrol yang dikatakan banyak menggunakan wang.

Oleh itu dalam keadaan ini kita berharaplah di masa-masa yang akan datang supaya mengkaji segala-galanya dahulu sebelum diberi subsidi yang lain, kerana dalam masalah subsidi ini, Tuan Yang di-Pertua, menjadikan orang-orang kita malas kerana semuanya berkehendakkan subsidi-subsidi. Umpamanya dalam menjalankan tugas sebagai ahli politik, orang-orang kita semuanya hendak subsidi-subsidi tetapi apabila perkara ini telah ditahan ataupun tidak diberi lagi, ini akan memberi tamparan balik kepada Kerajaan kita dan juga kepada parti-parti politik kita.

Dalam masalah-masalah ini saya berharaplah pihak Kerajaan supaya dapat di masa hadapan apa-apa yang hendak dibuat itu supaya dapat dibincangkan dan diperkira supaya perkara ini tidak menyusahkan kita di belakang hari.

Maksud B. 28 Kementerian Luar Negeri yang mana perbelanjaannya begitu banyak iaitu perbelanjaan sewa kapal terbang dan lain-lain bagi lawatan-lawatan rasmi ke luar negeri di samping perbelanjaan sewaan bangunan pejabat dan tempat kediaman serta

pembelian alat-alat kelengkapan bagi perwakilan-perwakilan Malaysia yang baru dibuka di seberang laut untuk negeri kita.

Di dalam masalah ini saya mengesyorkan kerana perbelanjaan-perbelanjaan ini rasa saya negeri-negeri di luar negeri umpamanya Britain, Amerika dan sebagainya ada kedutaan-kedutaan kita di negeri-negeri yang lain oleh kerana mengelakkan wang-wang ini, sewaan-sewaan pejabat, sewaan-sewaan bangunan, sewaan-sewaan tempat kediaman; apa salahnya pihak Kerajaan dengan adanya kewangan kita keluarkan sekali sahaja membeli bangunan-bangunan sendiri di luar negeri untuk kegunaan kedutaan kita yang ada di luar negeri kerana kita lihat pada masa ini umpamanya di London iaitu kedutaan kita di sana, sungguhpun kita sudah beli tetapi rumah-rumah kakitangan di sana masih disewa sedangkan sewanya begitu mahal. Jikalau sekiranya rumah-rumah itu dibeli dijadikan hak Kerajaan kita, rasa saya masalah kakitangan kita bekerja di sana tidak menjadikan mereka itu apabila datang mencari rumah kediaman untuk membawa anak-anak isteri mereka, dengan keadaan ini mereka boleh datang siap sedia rumah untuk mereka bertugas di satu-satu negeri itu.

Sekarang saya beralih kepada B. 45 dan B. 46 Kementerian Penerangan yang berjumlah \$1.1 juta dan Jabatan Penyiaran berjumlah \$2.1 juta iaitu Radio, TV dan tugas-tugas yang lain. Ini telahpun diperuntukkan wang tetapi apa yang saya musykilkan pada hari ini dan ramai juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain musykilkan tentang keadaan Kementerian Penerangan ataupun Jabatan Penyiaran yang masih juga siaran-siaran TV yang tidak memuaskan para penonton pada hari ini terutamanya filem-filem, rancangan-rancangan, filem-filem yang lama dan lapuk yang diulang-ulang beberapa kali, hanya tidak ubah seperti orang mengatakan:

Melepaskan batuk di tangga sahaja.

Kita berharap Kementerian ini supaya dapat menjalankan bagi memberi selera kepada rakyat kerana rakyat membayar dan sebagainya tentang hal TV, Radio dan sebagainya tadi.

Begitu juga Jabatan Penyiaran, di sini juga saya harap kepada Menteri Penerangan yang mengatakan gambar-gambar Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam TV jarang dikeluarkan. Di sini juga saya berharap sama ada Kementerian Penerangan ataupun Jabatan Penyiaran membuat teguran sedikit kepada pegawai-pegawai ataupun akhbar-akhbar tempatan yang ada dalam negeri ini. Saya nampak tiap-tiap berita yang dikeluarkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini, berita ada tetapi jarang sangat gambar-gambar mereka dikeluarkan. Apa salahnya dikeluarkan sekali sekala. Saya rasa surat-surat khabar yang ada mengeluarkan berita-berita ini rasa saya semuanya ada gambar-gambar Ahli Yang Berhormat pada mereka. Ini balik-balik Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri yang menjawab – gambar mereka sahaja yang dikeluarkan tiap-tiap hari. Mereka telah dikenali oleh rakyat ramai. Apa salahnya dikeluarkan sekali-sekali gambar-gambar Wakil Rakyat ataupun Ahli-ahli Dewan Negara ini dia berucap, tahulah rakyat setempat yang mereka ini ada berucap tetapi tidak ada. Boleh dikatakan sudah masuk 5 hari pada hari ini belum saya lihat lagi gambar-gambar Ahli Yang berhormat yang bercakap yang keluar tetapi gambar pak-pak Menteri sahaja yang keluar.

Oleh itu saya berharap kepada Kementerian Penerangan supaya memberi arahan kepada BERNAMA ataupun syarikat-syarikat akhbar di dalam negara ini supaya dapat mengeluarkan sekali-sekali gambar-gambar mereka ini.

Lagi satu Maksud B. 56 Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca. Kajicuaca ini adalah menjaga cuaca negara kita seperti penerbangan, kaum-kaum tani, kaum-kaum nelayan tetapi apa yang

dimusykilkan iaitu ramalan-ramalan yang dikatakan di dalam suratkhbar dan juga ramalan-ramalan selepas Berita TV malam-malam mengatakan hujan tidak ada di sana sini, panas di sana sini tetapi saya mendengar juga dalam radio mengatakan, kadangkala saya dalam kereta, mengatakan Kuala Lumpur adalah panas terik pada hari ini di dalam ramalan cuaca tetapi sebenarnya hujan begitu lebat. Dia mengatakan ramalan-ramalanlah, tetapi ramalan itu rasa saya hendaklah ramalan yang boleh dikatakan tepat sedikit, jangan hanya ramalan-ramalan untuk memenuhi ruangan suratkhbar ataupun siaran TV sahaja ataupun radio. Saya rasa pegawai-pegawai yang bertugas ini buatlah ramalan-ramalan yang sebetul-betulnya kerana ramalan-ramalan ini juga adalah untuk menyelamatkan manusia daripada mala petaka.

Soal Jabatan Pengangkutan Jalan ini rasa saya memanglah tiap-tiap hari dalam Parlimen disoalkan. Soal Jabatan Pengangkutan Jalan yang mana perkhidmatan bas, perkhidmatan teksi, mini bas dan sebagainya yang mana Jabatan Pengangkutan Jalan ini dan begitu juga sekatan-sekatan yang dibuat oleh JPJ ini kadangkala menyusahkan rakyat. Kita lihat pagi-pagi kadang-kadang menderu ditahan di tepi-tepi jalan padahal mereka itu hendak bekerja. Oleh kerana seorang yang terlibat habis mereka yang lain lebih-lebih lagi yang menunggang motosikal lewat datang ke pejabat, lewat datang ke tempat kerja dan sebagainya.

Dalam masalah ini kita berharaplah Jabatan ini dapat mengubah cara supaya tidak menyusahkan rakyat dalam masalah ini kerana kita lihat kadangkala banyak perkara-perkara ini yang ditahan itu tidak dapat tetapi memakan masa, membuang masa sahaja.

Dalam B. 63 Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah yang berjumlah \$2.4 juta dibelanjakan. Ini

saya hendak menegur dengan keadaan kawasan-kawasan FELDA. Rancangan-rancangan FELDA yang diadakan sekarang ini banyak peneroka-peneroka FELDA ini pada mulanya mereka ini memang ramai yang masuk tetapi selepas itu mereka banyak yang meninggalkan. Ini disebabkan selalu sangat tekanan-tekanan yang begitu berat dibuat oleh pegawai-pegawai yang bertugas di satu-satu kawasan FELDA itu. Umpamanya tekanan-tekanan jikalau tidak mengikut arahan-arahan pegawai-pegawai yang bertugas atau tidak tahu mengambil hati pegawai-pegawai tersebut mereka ini selalu ditorture ataupun selalu diugut itu dan ini oleh pegawai-pegawai yang berkenaan lebih-lebih lagi pegawai-pegawai muda yang bertugas di kawasan-kawasan FELDA ini. Tuduhan atau perkara-perkara ini dibawa kepada saya mengatakan perkara-perkara ini sering terjadi.

Begitu juga dalam soal-soal yang lain pegawai-pegawai yang berkenaan juga kadang kala mereka ini membuatkan kesusahan kepada kaum FELDA yang meneroka ini. Itulah sebabnya banyak yang lari dan banyak perkara-perkara yang terjadi dalam kawasan-kawasan itu. Dalam soal ini juga apa yang saya dapat tahu kadang-kadang pegawai ini juga membiarkan umpamanya ada untuk mengeluarkan buah-buah kelapa sawit oleh satu-satu pihak, oleh kerana mereka ini tidak sesuai dengan peneroka itu, buah-buah yang telah dipetik tidak diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan sehinggakan busuk-busuk. Inipun dapat laporan yang saya terima dari pihak-pihak yang di sana. Dalam masalah ini banyak kerugian-kerugian yang terjadi. Begitu juga getah dan sebagainya kadang-kadang dibuang separuh oleh pegawai-pegawai yang bertugas di kawasan itu. Oleh itu untuk mengelakkan perkara-perkara ini supaya Kerajaan tidak rugi dan rakyat juga tidak rugi kira berharap kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah supaya melihat dan meneliti atau mengambil tindakan sewajarnya kepada pihak-pihak yang

berkenaan.

Dalam soal lain, mengenai kawasan-kawasan FELDA ini, saya mengesyorkan oleh kerana kita ini terdedah daripada anasir-anasir jahat daripada seberang, daripada utara iaitu Siam masuk ke negara kita ini, sungguhpun Kerajaan telah memagar kawasan sempadan Malaysia/Thailand, saya mencadangkan atau mengesyorkan kalau belum supaya kawasan-kawasan sempadan ini dibuka menjadikan kawasan FELDA dan diisi oleh orang-orang kita sendiri dengan sempadan-sempadan ini rasa saya hutan tiada lagi, mereka ini susah hendak masuk kerana orang kita telah menunggu di sempadan bagi mengelakkan anasir-anasir jahat, penjahat-penjahat yang masuk dari luar negeri masuk ke dalam negara kita ini.

Itulah serba sedikit dalam rancangan ini saya harap kepada pihak Kerajaan dan pihak-pihak pegawai-pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab yang telah ditugaskan yang telah diberi amanah oleh Kerajaan sekali lagi saya menasihatkan menegur segelintir pegawai-pegawai Kerajaan pada hari ini masih tidak menjalankan tugasnya dengan betul. Mereka ini masih lagi mementingkan diri sendiri, mementingkan gaji tanpa mementingkan kemahukan atau kehendak negara. Ada mereka ini yang mensabotajkan wang-wang Kerajaan, ada mereka ini yang mem-permain-mainkan umpama tender-tender dan sebagainya. Kita dapat tahu sebagaimana saya buat persoalan daripada Menteri-menteri yang berkenaan, perkara ini benar berlaku. Umpamanya tender-tender sama ada di Jabatan-jabatan Kerajaan ataupun daripada badan-badan berkanun siapa yang pandai mereka yang dapat. Dengan ada kerjasama pegawai-pegawai yang di dalam memberitahu berapa sepatutnya awak masuk, berapa sepatutnya harganya. Jadi orang-orang yang benar-benar untuk mengambil atau memasuki tender ini tidak dapat kerana orang ini sudah tahu. Selepas itu mereka ini akan dapat habuan, habuan 5%, 3% dan

sebagainya. Oleh itu kita berharaplah kepada pihak-pihak berkenaan, pegawai-pegawai yang berkenaan, perkara ini pernah berlaku, kita tahu setiap masa berlaku, mereka cukup cerdik, cukup pandai. Mereka ini akan dapat wang ini di luar negeri. Apa yang kita dapat tahu mereka akan pergi makan angin, adalah pihak-pihak yang menunggu di sana untuk memberi upah kepada mereka yang telah memberi rahsia tadi. Inilah rasa saya dengan tidak adanya pegawai-pegawai yang bertanggungjawab ini oleh itu saya menyeru kepada mereka ini, Kerajaan telahpun diberi begitu banyak kemudahan-kemudahan kepada mereka, oleh itu janganlah cuba untuk mencari jalan ataupun cuba untuk menjahanamkan kita ini.

Kita lihat keadaan bangunan-bangunan Kerajaan umpamanya yang dibuat oleh Kerajaan sendiri, tidak sampai 2, 3 tahun retak di sana, pecah di sini. Apa sebabnya? Kalau dibandingkan dengan bangunan-bangunan yang dibuat oleh swasta, kadang kala lebih harganya lagi tender yang diberi kepada bangunan-bangunan Kerajaan tetapi semuanya hancur, kesudahan Kerajaan juga yang rugi. Apa sebabnya? Jalan-jalan begitu juga. Tadi saya baca dalam suratkhobar *The New Straits Times* mengatakan jalan di Kuantan pecah, tidak sampai 3 bulan, dahulu jalan Timur/Barat yang menyambungkan Kelantan pun pecah. Yang Berhormat Menteri menjawab ini hanya lori yang besar-besar. Tujuan kita buat jalan itu untuk jalan lori yang besar juga. Apa tidak dibuat kajian supaya lori besar boleh lalu. Apa sudah pecah disalahkan pada lori. Kita mesti cara apa sebab-sebabnya. Umpama Lebuhraya Seremban, Yang Berhormat Menteri mengatakan ialah batu kapur. Apa tidak dibuat kajian terlebih awal, kalau sudah tahu batu kapur, apa tidak dibubuh batu besi. Ini tidak, dibuat begitu juga. Selepas itu siapa yang untung, siapa yang rugi? Kerajaan juga. Itulah sebabnya dengan adanya kewangan begitu runcing, kalau dibelanjakan dengan

betul Kerajaan kita cukup kewangan, tidak payah tambahan berjuta-juta ringgit. Kalau hendak tambah juga satu dua juta ringgit itu tidak apa, beribu-ribu ringgit kerana pegawai-pegawai kita ini menyeleweng dan sebagainya.

Oleh itu kita menyerulah kepada mereka yang berkenaan yang bertanggungjawab dalam soal ini supaya sama-sama mengambil perhatian. Kita tidak mahu mereka ini menjadi susah besok kalau datang penyiasatan-penyiasatan berlaku jangan dimarah kepada Kerajaan balik. Oleh itu sebelum perkara itu terjadi, kalau sesat di hujung jalan, balik ke pangkal jalan. Ini bukan untuk kepentingan seseorang tetapi untuk kepentingan negara kita buat masa ini dan masa akan datang. Pemimpin-pemimpin kita sekarang ini sebuk dengan usaha-usaha untuk meninggikan taraf Kerajaan kita untuk mandiri, untuk memperbanyakkan, untuk mencapai 1990 iaitu Dasar Ekonomi Baru yang berkehendakkan orang-orang Melayu berganding bahu atau duduk sama rendah berdiri sama tinggi dengan kaum-kaum yang lain. Tetapi apa telah jadi dengan masa yang begitu panjang, sekarang hanya tinggal 6 tahun lebih kurang berapa persenkah kaum Bumiputera yang telah dapat nikmatnya.

Sungguhpun ada kaum-kaum bumiputera tetapi inilah sebagaimana yang saya katakan tadi kaum-kaum yang pandai mereka inilah yang kaya. Hanya seseorang sahaja, yang lain merangkak hidup, kemiskinan menjadi jadi.

Oleh itu kita berharaplah apa yang diharapkan oleh Kerajaan pimpinan kita pada hari ini "Bersih, Cekap dan Amanah" haraplah dijalankan, jangan bersih sahaja tetapi cekap membuat itu dan membuat ini. Amanah hanya amanah untuk menyimpan rahsia sendiri. Kita tidak mahu "Bersih, Cekap dan Amanah" ini digunakan untuk sendiri tetapi untuk kepentingan negara kita sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ucapan itu keterlaluan tetapi saya rasa kalau disimpan, kita tidak mahu menjadi barah di dalam dada kita, kerana kita memandang, saya sendiri melihat keadaan ini sedih, lebih-lebih lagi pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab. Bukan semuanya, tetapi ada segelintir mereka yang mementingkan diri mereka sendiri, yang berkehendak kaya dengan serta merta, berkehendak jawatan dengan serta merta yang boleh sehingga lupa tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh pihak Kerajaan dan juga pihak negara kita.

Oleh itu sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ucapkan tadi yang saya beri pandangan tadi adalah dengan tulus ikhlas bagi kepentingan kita bersama kerana kita, negara kita, bagi diri saya juga dan juga ahli-ahli yang lain bukanlah untuk menungkat langit, tidak, kami ini akan hidup lebih-lebih 10 atau 15 tahun atau 20 tahun lagi. Tetapi kita mesti ingat generasi kita yang akan datang yang kita hendak wujudkan sekarang.

Oleh itu, sekian sahaja saya sudahi dengan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Maasom.

*4.41 ptg.*

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta membahaskan Akta Perbekalan Tambahan untuk tahun 1982 dan 1983 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semalam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa negara kita menghadapi tekanan ekonomi sungguhpun menuju kepada arah pemulihan tetapi kita masih memerlukan tambahan belanja yang begitu besar sehingga memerlukan kelulusan sebanyak lebih daripada \$2,000 juta. Pada hal perancangan telah dibuat lebih awal yang mengikut arahan

daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri "potong mana-mana yang tidak perlu, buat mana-mana yang perlu sahaja." Namun demikian setelah dipotong mana-mana yang tidak perlu kita masih memerlukan tambahan begitu banyak.

Peruntukan tambahan Belanjawan Mengurus dan Pembangunan yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan semalam menunjukkan negara kita ini masih mampu untuk menampung keperluan negara dan untuk kepentingan rakyat terutama sekali untuk perkhidmatan awam dan pembangunan infrastrukturnya.

Apa yang saya khuatir di dalam perkembangan negara yang memerlukan belanjawan yang begitu besar ialah mengenai dengan beban negara iaitu yang dikatakan hutang negara sama ada hutang di dalam negeri atau di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan jika sekiranya kita buka buku penyata belanjawan menyatakan hutang negara pada tahun 1981 sebanyak \$30,579 juta, hutang dalam negeri \$22,301 juta iaitu 72.9% dan hutang dari luar negeri sebanyak \$8,278 juta iaitu bersamaan dengan 27.1%. Ini untuk tahun 1981.

Saya mendapat berita menyatakan sehingga saat ini jumlah hutang negara kita meningkat kepada \$50 billion, \$50,000 juta. Apakah ini benar?

Yang Berhormat Menteri tentu akan menjawab menyatakan negara kita masih mampu membayar hutang itu dengan dikenakan faedah yang rendah memandangkan kepada kestabilan ekonomi terutama sekali memandangkan kepada kestabilan politik di dalam negeri kita yang tidak berlaku sebarang kekecohan, tidak berlaku sebarang perampasan kuasa, dan tidak akan berlaku sesuatu yang menyebabkan negara-negara luar yang sanggup memberi hutang kepada kita untuk memberhentikan piutanganya.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, negara kita yang kecil ini apakah beban hutang negara itu tidak akan menjadi satu masalah besar kerana beberapa masalah kecil yang sedang bertiup kencang di dalam negara kita ini terutama sekali isu-isu politik di dalam negeri kita.

Isu-isu politik yang menimbulkan perebutan terutama sekali di dalam menunggu saat perebutan pucuk pimpinan parti yang akan memegang teraju setelah sampai masanya parti-parti di dalam negeri kita ini mengadakan pilihanraya. Kerana saya rasa sekarang ini bahang panasnya di dalam isu menjelang pemilihan pucuk pimpinan parti-parti di dalam Kerajaan sendiri telah begitu panas. Telah hilang rasa saling hormat menghormati, hilang rasa setiakawan, hilang rasa persahabatan sehingga timbul kempen-kempen buruk memburuk di antara sama lain. Jadi, seolah-olah kita telah meninggalkan satu rasa persefahaman.

Kita mengamalkan demokrasi berparlimen, kita mengamalkan demokrasi berparti, siapa sahaja boleh bertanding, siapa sahaja boleh mencuba merebut jawatan. Sepatutnya kita amalkan sikap ini secara toleransi, secara tasamoh, secara lapang dada, secara tidak gegabah, tidak kelam kabut.

Jadi, saya menyeru kepada pihak-pihak yang terlibat supaya mengendurkan suasana ini. Kerana saya katakan demikian ialah untuk ketenangan rakyat jelata yang menjadi penyokong dan pendokong kepada parti dan pemimpin, kerana sekarang ini surat-khabar, sama ada surat-khabar yang terbit hari-hari atau surat-khabar yang terbit seminggu sekali atau majalah-majalah yang terbit sebulan sekali mengambil kesempatan memainkan isu pemilihan pucuk pimpinan ini mengeruhkan lagi suasana.

Masalah (A) akan lawan (B) atau (C) akan mengambil jalan tengah dijadikan permainan poker.

Rakyat yang membaca berita itu, rakyat yang mendengar berita itu, rakyat yang tidak memahami tujuan pemilihan pimpinan ini, tertanya-tanya apa hendak jadi. Di mana perginya laungan slogan “Kepimpinan Melalui Tauladan” atau “Kepimpinan Melalui Teladan” sebagaimana yang dihendaki dalam bahasa standard?

Kalau pucuk pemimpin sendiri tidak dapat memberikan gambaran teladan yang baik maka berlakulah di cawangan-cawangan, di kampung-kampung juga baling membalik kueh, baling membalik kerusi. Sepatutnya ini kita tidak mahu berlaku kerana kita telah makin masak. Kita telah makin jauh meninggalkan zaman mula-mula bergerak didalam bidang politik dan bidang siasah. Setelah kita sanggup menentang British, menumbang Malayan Union, kemahiran kita dalam bidang berpolitik atau bersiasah ini sepatutnya makin laju ke hadapan, tidak akan menimbulkan ranjau-ranjau atau perasaan ngeri yang ada di sekeliling kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan ini kerana ini kesemuanya adalah asas kepada belanjawan negara, asas kepada pentadbiran negara, asas kepada kemantapan politik dan ekonomi, asas kepada kemantapan kita memegang traju, asas kepada kita terus bergerak untuk memajukan umat dan negara untuk menyelesaikan masalah kemiskinan rakyat, untuk menyelesaikan masalah-masalah rakyat yang belum selesai, kerana daripada pemilihan pucuk pimpinan inilah yang nanti akan dapat menyelesaikan masalah-masalah rakyat, masalah-masalah negara dan masalah-masalah yang lain. Jadi kalau dalam beberapa bulan yang akhir-akhir ini banyak masa telah digunakan untuk itu sahaja. Ini ada pula mereka dari kalangan orang-orang yang mengambil kesempatan menanggung di air keruh. Dalam masa pemimpin sama pemimpin berkempen untuk mencari tempat yang baik, untuk mencari tempat menang, orang-orang di bawah

pemimpin tadi, di bawah Menteri-menteri, di bawah calon-calon yang terlibat itu nanti mengambil kesempatan, menggunakan, masa, menggunakan wang ringgitnya, menggunakan kemudahan yang kerajaan beri untuk main kayu tiga. Jadi dalam masa beberapa bulan ini nanti banyak masa terbuang begitu sahaja untuk turut serta melibatkan diri di dalam kempen pemilihan pucuk pemimpin.

Kita percaya di dalam setiap pertandingan ada yang kalah dan ada yang menang, takkan dua-dua menang, jadi satu kalah, satu menang, biarlah pertandingan ini berjalan dengan sihat, perebutan ini berjalan dengan sihat. Kita tidak mahu sama sekali timbul tuduh-menuduh sehingga peribadi seseorang itu ditimbul-timbulkan, dijadikan khabar-khabar angin ke utara, ke selatan, ke timur, ke barat. Ini tidak baik. “Fitnah lebih dahsyat daripada membunuh” Jadi tidak ada kepimpinan melalui teladan di situ. Jika sekiranya kita mahu mengambil kepimpinan melalui teladan, kita jangan mengambil teladan daripada ribut, ribut berperang dengan beruk mahu tumbang-menumbang antara satu sama lain, kesudahannya ribut yang mengaku dirinya gagah perkasa tewas, beruk tidak jatuh dari pokok beringin, tetapi si bayu adik kepada beruk yang tahu abangnya akan kecundang mengambil alih di saat-saat akhir pertandingan itu dengan tiupan bayu yang lemah-lembut. Si beruk yang mengaku gagah perkasa sebagai pahlawan di rimba jatuh daripada pohon beringin dan mati kerana tiupan bayu amat lembut, ditiupnya pelipis mata dengan sepoi-sepoi bahasa, beruk mengantuk, ditiupnya tulang belikat beruk, beruk merasa sengal-sengal, ditiupnya perut beruk, beruk merasa sakit perut, jadi beruk terlepas tangan, beruk jatuh.

Di situlah si ribut memeluk adiknya “wahai si bayu tidak aku sangka engkau yang lemah-lembut, yang beruk sendiri menuduh engkau pondan, rupanya

engkau berjaya menewaskan beruk yang mengaku pahlawan di rimba.” Apa kata si bayu. “Bang di dalam perjuangan, taktik yang lemah-lembut itu kadang-kadang mempersonakan musuh, inilah yang saya lakukan”. Jadi jangan rebut-rebut kempen sana, kempen sini, tuduh sana, tuduh sini, itu ribut nanti kecundang. Kempen pelan-pelan (slow) sahaja. Saya harap begitu, kita harap begitu. Saya katakan ini kerana daripada berakhirnya pemilihan pucuk pimpinan ini nantilah yang akan meneruskan usaha-usaha kita untuk menyelamatkan negara, menyelamatkan umat, menyelamatkan rakyat kita.

Masalah yang ada di hadapan kita banyak, banyak masalah yang ada di hadapan kita, untuk hendak membangunkan negara ini kalau kita tengok dahulu penjajah meninggalkan negara kita ini pada pagi 1hb September, 1957 apa yang ada? Apa yang ada dihadapan kita? Sebut sekolah menengah pun tidak sebut ada lagi, tidak sebut sekolah menengah kerana tidak ada lagi pada masa itu, yang ada maktab pun hanya dua, satu Maktab Perguruan Sultan Idris dan satu lagi Maktab Melayu Kuala Kangsar. Hari ini orang boleh sebut Universiti Islam Antarabangsa, orang boleh sebut universiti yang keenam. Dalam bidang pelajaran sampai setengah-setengah orang tidak tahu hendak mengikuti, tak tahu hendak menyebutnya bahasa yang digunakan hari ini dengan ejaan baru ini, saya sendiripun tidak tahu hendak mengikuti. Inilah kemajuan yang kita capai setelah kita diberi oleh Allah s.w.t. merdeka, memerintah negeri dengan keadaan yang aman, yang baik, maka kita bersyukur. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

“Jika engkau bersyukur maka Aku tambah. Jika engkau kufur akan nikmat-nikmat ini, maka azabku akan turun amat pedinya.”

Di mana kita bersyukur baik pemimpin besar, baik pemimpin pertengahan atau pemimpin kecil, baik rakyat jelata kita bersyukur kepada

Allah s.w.t, negara kita yang tidak pernah dilanda gempa bumi yang menelan bangunan, malahan bangunan-bangunan tinggi makin mencakar langit. Negara kita tidak ada banjir yang melanda tanah air sehingga menenggelamkan bangunan, menghanyutkan manusia dan haiwan. Jika sekiranya bencana alam atau banjir ialah di tempat-tempat rendah yang berlaku sekarang ini, masih mengakibatkan kepada rakyat dan ini pun Kerajaan kita sedang berusaha untuk mengelakkan daripada kesan-kesan banjir ini.

Negara kita tidak ada gunung berapi yang memuntahkan lahar dan belerang yang panas, kita bersyukur kembali. Jadi sepatutnya untuk menerima kesyukuran ini kita cari jalan damai, kita cari jalan sihat, kita cari jalan yang boleh menyamakan suasana.

Dalam Hadis Rasullullah s.a.w dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang bermaksud:

“Nikmat Allahta’ala banyak, tidak boleh dikira, kalau engkau engkari nikmat itu, engkau kufur, iaitu kufur nikmat.”

“Siapa yang tidak bersyukur kepada yang sedikit, nanti dia tidak akan bersyukur kepada yang banyak.”

“Siapa yang tidak bersyukur sesama manusia nanti dia tidak akan bersyukur kepada Allah”

“Bersatupadu itu rahmat kebagusan dan berpecahbelah itu azabnya akan mendatangkan penderitaan” (Hadis riwayat Baihaqi).

Kalau jurucatat tidak boleh hendak catit bahasa Arabnya, catit Bahasa Melayu sebab nampaknya mencatat syariah dengan syareah yang satu minta betulkan itupun tidak betul juga. Saya baca syariah juga “Sharia’yah” iaitu syaria’yah, kalau syariah bunyinya “syariah”. Ini antara syariah dengan syaria’yah lain, itu saya teringat betul.

Jadi kalau Mahkamah Syaria’yah, ejaannya macam itu—s-h-a-r-i-y-a-h—syaria’yah, sedap bunyinya.

Tuan Yang di-Pertua, tadi mengenai dengan bersyukur itu, kalau kita tidak bersyukur sesama manusia kita nanti tidak bersyukur kepada Allah seolah-olah apa yang dapat kita buat ini semua dengan usaha tangan kita. Ini nanti jadi golongan-golongan orang yang mengingkari akan nikmat Allah. Kemudian kalau kita tidak bersyukur kepada yang sedikit nanti kita tidak akan bersyukur kepada yang banyak. Ini peringatan. Sebab ini kita hendak menerapkan nilai-nilai Islam, nilai-nilai kerohanian, ini mengikut Titah Diraja waktu membuka Sidang Parlimen. Jadi kalau kita hendak menerapkan nilai-nilai kerohanian ini mesti roh kita atau jiwa kita sendiri kita betulkan. Kebahagiaan mengikut hukumah-hukumah ulama-ulama tasauf, manusia ini tidak akan merasa puas dengan kebahagiaan yang ada, hanya satu sahaja yang boleh memberi kebahagiaan kepada manusia, yang boleh memberi ketenteraman kepada manusia: "hanya dengan zikir mengingat Allah". Hanya itu sahaja yang boleh membawa ketenteraman jiwa. Selain daripada itu, goncang jiwa, nafsu masuk, syarakah masuk, mahu itu, mahu ini, mahu lagi, mahu lagi, tak boleh dengan pujuk-paksa, tak boleh paksa-rampuk, tak boleh rampuk-ugut, tak boleh ugut-bunuh. Sebab itu sifat-sifat haiwan ini ada pada diri kita. Kalau kita suka membelit macam ular, kalau diberi yang baik dia tidak ucap terima kasih, itu sikap-sikap monyet, diberi bunga dikoyak-koyak. Kalau suka membuat porak-poranda, suka mengambil hak orang itu macam sikap beruang, tahunya cuma memecahkan ruyung untuk memanjat pokok-pokok yang ada mempunyai macam pokok nibong itu dia koyakkan dia ambil umbutnya, hendak mengingat 'umbut' itupun susah.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Sebab apa saya katakan begitu? Allah taala menyuruh kita supaya melihat alam sekeliling ini untuk hendak

mencari ketenteraman jiwa itu. Ini semua ada hubungannya dengan Akta Belanjawan Tambahan yang diminta ini. Apabila kita sudah ceritakan itu semua: "Apakah engkau tidak melihat wahai manusia bagaimana unta itu dijadikan". Allah taala suruh kita tengok bagaimana unta itu Allah taala jadikan. Tengoklah unta dan kerabat-kerabat unta, kambing, lembu, kerbau. Kalaulah kita dijadikan macam kerbau, meragut sahaja rumput di mana jumpa, macam kerbau . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ini sudah lari jauh.

**Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom:** tidak, Tuan Yang di-Pertua, saya sambil begitu saya masuk juga, saya minta maaf, keadaan Dewan kita ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tak ada unta di sini.

**Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom:** Keadaan Dewan kita ini masih boleh meneruskan lagi perbincangan ini supaya kita dapat, minta maaf Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh satu persatu fasal-fasal yang akan saya sebut, supaya kita melihat jangan berlaku nafsu syarakah, sepertimana yang disebutkan oleh seorang sahabat saya Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak tadi, itu nafsu, serakah. Ertinya rasuah berlaku. Suratkhbar semalam timbul menyebut rasuah daripada bekas Pegawai Tinggi, suratkhbar dahulu semalam timbul lagi BPR menangkan, semalam timbul lagi. Ini kerana adanya nafsu-nafsu syarakah yang seperti itu.

Saya ingatkan ini supaya kita sama-sama dapat memperbaiki, dapat membetulkan perjalanan kita ini supaya kita dapat menjadi bangsa yang bermaruah, bangsa yang mempunyai keperibadian, bangsa yang setiap kali diadakan Pertandingan Musabaqah Al-Quran itu ada thema-thema di situ dapat kita ikuti, daripada situlah untuk kita menerapkan unsur-unsur penilaian Islam dan semangat kerohanian.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk kepada apa yang telah disebut di dalam Rang Undang-undang memohon supaya Akta Perbekalan Tambahan Tahun 1982/83 bagi Tahun 1984 ini, iaitu daripada yang pertama B.1 mengenai dengan tambahan kepada Parlimen sebanyak \$956,300. Terima kasih di atas pembaikan alat pembesar suara ini, cakap pun sudah sedaplah, tak macam beberapa kali mesyuarat Dewan yang lalu, bunyi loceng yang kita dengar sekarang inipun sedap sedikit, terima kasih itu semua. Tetapi saya juga terpaksa menyebut ini, kerusi Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara sendiri sudah patah kaki, saya tahu kerusi itu patah kaki, semalam senget. Kalau tak dibetulkan cepat, Tan Sri Yang di-Pertua kita boleh jadi jatuh. Jadi harap supaya segera kerusi ini diganti dengan kerusi yang baru yang lebih baik dan lebih cantik, kalau boleh.

Maksud B.21 yang memerlukan kepada tambahan sebanyak \$6 juta, iaitu Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Saya ingin tahu bagaimanakah proses lesen-lesen menjual minyak diesel yang ada di tepi-tepi jalan. Perjalanan daripada Kuala Lumpur ke Kuantan atau daripada Kuala Lumpur ke Tampin kita akan jumpa ada 2-3 penjual-penjual minyak diesel ini dengan hanya meletakkan satu tong besar, satu meja buruk dan 2-3 orang penjaga. Jadi bagaimana dengan peranan PETRONAS sendiri yang menggalakkan supaya pembukaan stesen-stesen minyak PETRONAS yang kalau kita lihat beberapa tempat telahpun bangun bangunan itu dengan warna yang cantik, dengan warna yang lembut – warna hijau, biru, warnanya menarik. Jadi bagaimana dengan penjualan minyak-minyak diesel yang wujud di tepi-tepi jalan. Ini yang saya ingin jawapan.

Kemudian, sewaktu saya membuat pertanyaan mulut, Tuan Yang di-Pertua, di Dewan ini mengenai dengan pertanyaan saya ialah sepatutnya bagaimana boleh dibiarkan berlakunya petualang-petualang yang mencampurkan minyak petrol dengan

minyak gas yang dikatakan 'minyak putih' yang dijual dengan harga petrol. Ini berlaku dan ini akibatnya adalah orang ramai yang menjadi korban, yang menjadi mangsa kepada keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, B.27 mengenai dengan Kementerian Pelajaran. Sekali lagi saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Kementerian Pelajaran, khususnya kepada Yang Berhormat Dato' Khalil kerana telah memberi jaminan iaitu masalah sebuah bangunan sekolah di tempat saya, Sekolah Rendah Kebangsaan Sungai Kelambu yang telah menjadi hangat, jaminan Yang Berhormat Dato' Khalil akan menyegerakan pembinaan sekolah di sana sekalipun dengan cara pasang siap. Bukan itu sahaja harapan saya, tetapi beberapa banyak lagi di tempat lain sekolah-sekolah, terutama sekolah-sekolah rendah kelas E dan D supaya dapat dibina dengan secara pasang siap ini dengan seberapa cepat yang boleh. Sepatutnya memandangkan kepada peruntukan \$2,000 juta ini ialah untuk membangunkan projek infrastruktur dan \$45 juta tadi diberi pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membantu Kerajaan-kerajaan Negeri.

Jadi, supaya tidak akan berulang lagi, misalnya saya sebutkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, sekolah yang pernah dibina oleh rakyat sebelum merdeka dengan cara gotong-royong, apabila sampai masanya waktu merdeka, ini dilelong dengan harga \$800. Sebuah bangunan sekolah dilelong dengan harga \$800, inikan sedih ibu bapa yang dahulu berbuat sekolah gotong-royong, ini berlaku di Batu Pahat dan di Senggarang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan B.27 ini saya ingin tahu lagi iaitu mengenai dengan perlantikan sebahagian daripada pegawai-pegawai perkhidmatan perguruan atau guru-guru yang dilantik kepada satu jawatan yang dikatakan jawatan kakitangan penting. Jawatan kakitangan penting di tiap-tiap daerah ini ada dua, tiga orang

yang dilantik. Saya ingin tahu di atas alasan apakah mereka ini dilantik ke tahap itu kerana saya percaya sekarang ini kemelesetan ekonomi masih melanda. Dengan adanya Pejabat-pejabat Pelajaran Daerah dengan pegawai-pegawainya, Pegawai Pelajaran Daerah, timbalannya kemudian di bawahnya ada lagi pula pegawai yang menyelia untuk sekolah menengah, ada lagi pegawai yang menyelia untuk sekolah rendah, kemudian ada pula kaki-tangan penting tadi.

Saya nampak satu hari belanja pengurusan ini akan bertambah apabila mereka yang terlibat ini akan menuntut haknya sebagai elaun-elaun perjalanan-kah, elaun-elaun tambahankah, ini semua sekali akan menimbulkan belanja-tambahan lagi di masa-masa yang akan datang. Namun demikian untuk faedah bangsa, negara, untuk kelancaran kepentingan pelajaran, pembelajaran kita, untuk kepentingan memajukan Dasar Pelajaran Kebangsaan kita, kita mengalu-alukan khidmat mereka ini kepada masyarakat.

Kemudian baru dua, tiga hari yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, satu konvensyen mengenai dengan tulisan jawi diadakan di negeri Terengganu dan di dalam ucapan penutupnya Yang Berhormat Dato' Khalil menyebut akan cuba dimasukkan tulisan jawi ini ke dalam kurikulum sekolah rendah, kalau tak salah pendengaran saya. Ini nanti akan timbul juga satu masalah saya rasa kerana kebanyakan guru-guru muda sekarang ini banyak yang boleh baca jawi tetapi tak tahu hendak tulis jawi. Banyak di antara kita ini pun susah hendak menentukan mahrajal hurufnya, bunyi di antara satu-satu huruf jawi mengikut bunyi yang sebenarnya antara bunyi huruf "kof" dengan bunyi huruf "kaf", di antara bunyi huruf "shod" dengan bunyi huruf "shin", ini kadang-kadang apabila kita membaca, kita tengok di dalam suratkhobar jawi pun kadang-kadang tulisan ini bercelaru daripada tulisan jawi yang sebenarnya. Jika ini sekiranya

akan benar-benar dijalankan tentulah nanti akan wujud pula satu guru khas, satu daerah khas akan menjaga masalah tulisan jawi sahaja. Macam guru nyanyian sekarang ini, guru muzik sekarang ini. Jadi bagus untuk kepentingan faedah-faedah itu, saya menyokong cara-cara itu dibuat.

Mengenai dengan B. 28, Kementerian Luar Negeri. Semalam Yang Berhormat Menteri Luar Negeri menyebut telah membentuk satu jawatankuasa di Jabatan Perdana Menteri yang diketuai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengenai dengan hal ehwal penuntut-penuntut di luar negeri. Soalan demi soalan telah ditimbulkan dalam Dewan ini mengenai dengan keadaan yang berlaku di alam pelajar-pelajar kita, penuntut-penuntut kita di luar negeri. Malahan pernah Yang Berhormat Menteri Pelajaran kita menyebut alam remaja mereka menghadapi berbagai pancaroba, sedang di dalam peningkatan umur menuju kepada umur remaja itu tadi macam-macam kelakuan boleh berlaku. Apabila mereka telah kembali ke tanahair, mereka telah menjawat jawatan, mereka telah mempunyai kedudukan yang baik, mereka akan berubah menjadi rakyat yang taat setia, yang tekun dan rajin. Insyallah moga-moga itu harapan kita. Tetapi keluar lagi di suratkhobar semalam mengatakan ada lagi pelajar-pelajar kita yang bersekedudukan. Erti bersekedudukan ini duduk antara lelaki dengan perempuan suka sama suka tanpa nikah, ada yang kahwin kontrak dengan pelajar-pelajar dari sebuah negara Islam yang lain, masih timbul lagi pelajar-pelajar kita yang giat di dalam dakwah-dakwah, dalam dakwah yang keterlaluan maksudnya sehingga menimbulkan masalah kepada kita, timbul cerita lagi pelajar-pelajar kita yang berpoya-poya, timbul lagi pelajar-pelajar kita yang bergerak menentang Kerajaan, yang melampau, gerakan yang militan.

Saya khuatir perkara ini. Saya berharap supaya Kerajaan khasnya

Kementerian Pelajaran benar-benar mengambil daya usaha, mengambil tindakan supaya dapat menyelamatkan anak-anak kita ini daripada terjerumus kepada keadaan-keadaan yang semacam itu. Saya percaya usaha-usaha sedang dibuat dari semasa ke semasa untuk menyelamatkan mereka dan saya percaya amaran-amaran telah diberi disampaikan kepada mereka yang terlibat tetapi keadaan ini masih juga terus berlaku.

Jalan yang paling baik jika benar-benar pihak Kerajaan mendapati si polan bin si polan, si polan binti si polan telah melakukan kesalahan-kesalahan sama ada lari daripada perjanjian dengan pihak-pihak penganjur, pihak Kerajaan atau pihak badan-badan agensi Kerajaan yang menghantar mereka belajar ke luar negeri itu panggil sahaja mereka balik. Panggil sahaja mereka balik. Kalau mereka masih mahu belajar biar mereka belajar di dalam negeri kerana kita pun tidak kurang pusat-pusat pengajian tinggi. Itu harapan saya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, B.31 peruntukan kepada Kumpulanwang Terkanun berjumlah \$2.3 ribu juta untuk pembangunan projek-projek Kerajaan Negeri – infrastruktur. Ini kita ucapkan berbilang terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana di dalam masa tekanan ekonomi yang begini melanda keadaan negara kita, kita masih mampu untuk menambah lagi peruntukan untuk pembangunan untuk rakyat ini sebanyak \$2 ribu juta. Semoga pembangunan ini, projek-projek yang dibuat ini akan mendatangkan manfaat kepada rakyat yang memerlukan projek-projek itu.

Saya masih menyentuh lagi mengenai dengan peruntukan untuk pembangunan infrastruktur ini atau kemudahan-kemudahan asas ini iaitu jalan, api dan air seolah-olah ada kawasan-kawasan yang menjadi anak tiri, kawasan-kawasan yang menjadi anak tiri dibiarkan sahaja mengenai dengan air dan apabila kita bangkitkan air, bekalan air

tidak sampai ke satu-satu kawasan dan jawapan di sini mengatakan bekalan air itu adalah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan bekalan api pula begitu juga kerana kekuatan bekalan api belum boleh sampai ke situ tetapi di satu kampung yang lain api telah terang benderang.

Jadi, ini supaya dapat benar-benar diteliti oleh tenaga-tenaga pentadbir, tenaga-tenaga pelaksana, kasihanilah, kasihanilah keluarga kita, saudara-saudara kita yang mimpikan jalan, yang mimpikan air, yang mimpikan api. Kita yang duduk di bandar, yang duduk di kota ini telah merasai kesemuanya tetapi kasihanilah saudara-saudara kita, adik beradik kita, nenek mamak kita yang masih di kampung-kampung yang memerlukan itu semua. Kita tahu pembangunan tidak boleh dibuat serentak, pembangunan tidak boleh dibuat menggunakan lampu Aladin tetapi mengapa satu kampung yang jaraknya hanya setengah batu boleh ketinggalan bekalan api ini sampai begitu lama misalnya. Ini yang perlu kita fikirkan.

Mengenai dengan perumahan sama ada perumahan yang dilancarkan oleh Kerajaan Pusat melalui Kementerian Perumahan atau perumahan yang dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri, sekarang ini rakyat menjerit, baik di bandar, di tepi-tepi bandar atau di bandar-bandar kecil, di luar-luar bandar pun rakyat menjerit minta rumah, minta rumah, minta rumah.

Apa yang menjadi kemusykilan kepada saya Tuan Yang di-Pertua, ada projek perumahan yang dibuat telah siap dua, tiga tahun yang lalu sehingga dipanjat oleh rumput rampai sehingga longkang-longkangnya pecah semula, cermin tingkapnya hilang tetapi masih tidak diberikan kepada rakyat.

Saya tidak tahu di mana kesilapan tekniknya. Tetapi rakyat berkata hendak tunggu apa lagi? Rumah itu sudah naik senget. Cepatlah beri kepada rakyat. Kalau masih banyak lagi rakyat yang memerlukan rumah akan

dibuatkan projek perumahan seperti itu.

Kita tahu ada masalah-masalah di dalamnya tetapi selagi masalah yang satu itu tidak diselesaikan maka nanti masalah itu akan bersambung dengan masalah-masalah yang baru.

Mengenai dengan perumahan ini juga lagi Tuan Yang di-Pertua, di tempat saya, berhampiran dengan tempat saya duduk, ada satu projek perumahan yang dikatakan Projek HICOM, rumah pasangsiap, rumah teresnya berharga hampir \$50,000. Rumah teres yang dua tingkat berharga hampir \$100 atau \$95. Keadaan tempat itu maklumlah di Banting, daerah Kuala Langat, bukanlah taraf penghidupannya begitu tinggi sangat, orang yang bekerja di sana, kakitangan Kerajaan yang berpendapatan empat angka pun tidak berapa orang.

Apabila misalannya projek yang seperti ini dibuat di kawasan luar bandarlah, Kuala Langat di Banting itu di luar bandar maksudnya; projek itu memang hebat. Tetapi apabila tiba masa hendak memberi kepada kaum bumiputera, kaum bumiputera sendiri bertanya jika harga rumah \$90 ribu mahu pinjam dengan bank selama 25 tahun, bayarannya sebulan berapa, kemudian untuk melunaskan hutang dengan bank itu sudah jadi berapa. Kalau rumah teres \$46 ribu atau \$45 ribu pinjam dengan bank sudah jadi berapa, bayaran sebulan berapa. Rumah yang \$45 ribu itu mengikut ceritanya yang saya dengar kalau dibayar selama 25 tahun masuk itu, ini menjadi \$320 atau \$350 se bulan.

Kalau seorang kakitangan Kerajaan yang berpendapatan hari ini \$500 hingga \$600 mahu bayar rumah \$350 yang mahu dimakan \$250, ini nampaknya pintu-pintu mencari pendapatan luar akan terbuka.

Apabila pintu mencari pendapatan luar hendak menampung, hendak bayar rumah, duit anak hendak bayar, ansuran motor vespa, kereta dan

sebagainya, bayaran bil api akan naik, bil air akan naik, kemudian kalau sudah duduk rumah Projek HICOM pasangsiap, hendak pasang telefon, telefon juga nanti bayarannya akan naik, ini mulalah pintu-pintu rasuah akan berjalan, ya! Jadi, ini kita khuatir. Saya menggalakkan di kawasan-kawasan daerah-daerah ini supaya buat sebanyak-banyaknya rumah murah sahaja. Rumah murah yang mengikut kehendak Kerajaan di bawah \$25 ribu. Kalau lebih jadi masalah. Apabila sudah rumah begitu tinggi pagarnya tidak layak dengan pagar dawai yang bersilang-silang sahaja. Pagarnya mahu cantik, nanti pula halamannya tidak mahu tanam dengan rumput biasa, mahu tanam rumput yang tidak mati, rumput plastik yang biasa ditanam di tepi-tepi kolam renang. Ini bahayanya banyak, dan bahaya yang paling besar, kemampuan bagi kaum bumiputera sendiri untuk duduk di situ.

Di sini nanti apabila berlaku keadaan yang semacam itu, contohnya kedai yang dibangunkan oleh pihak Kerajaan melalui agensi Kerajaan di kampung Labuhan Dagang, 10 pintu. 10 pintu rumah kedai dua tingkat sehingga hari ini menjadi gajah putih. Tiada siapa yang sanggup hendak membeli dengan harga \$150 ribu. Hendak sewa hampir \$1,500 di kampung Labuhan Dagang. Cubalah, barangkali banyak di antara kita ini selalu ke Morib. Di Morib cari kepah, lepas itu kalau balik ikut jalan Dengkil, tanya di mana kampung Labuhan Dagang 10 pintu kedai terbengkalai di situ tidak ada siapa hendak masuk sewa.

Saya tidak kata hendak salahkan yang membuat, dan saya tidak kata hendak salahkan yang meminta. Yang meminta rakyat supaya dibuatkan kedai yang kukuh jangan gerai. Sekarang dibuatkan gerai. Gerai dindingnya zing. Apabila kena angin puting beliung, kopak semua sekali. Meja ke mana, kerusi ke mana, gerai ke mana. Kemudian apabila saya sebutkan Pasar Minggu Banting. Saya tidak kata Pasar Minggu Banting hidup segan mati

tidak mahu. Tetapi Pasar Minggu Bantinglah satu-satunya pasar yang paling ramai manusia. Banyak di antara kita, di antara tuan-tuan di dalam Dewan ini yang selalu pergi ke Morib, singgah di Pasar Minggu Banting, sama ada waktu pergi atau balik cari tapai, cari tempeh, cari kerepek pisang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat telah jauh perginya ini.

**Tuan Haji Shaharom bin Maasom:** Dijawab oleh Yang Berhormat Menteri semalam mengatakan Pasar Minggu Banting hidup segan mati tidak mahu. Yang saya mahu supaya Pasar Minggu Banting itu diperbaiki sesuai, kalau kata MARA membuat arked, membuat gedung, menjadikan arked jugalah itu, supaya kaum bumiputera di sana boleh berniaga di arked. Begitu maksud saya. Tetapi nampaknya jawapan yang diberikan dalam Dewan ini masih tidak memuaskan, jadi saya terpaksa masih mahu membetulkan itu lagi Tuan Yang di-Pertua.

B.36 Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Dalam Negeri yang memerlukan tambahan sebanyak \$3 juta. Saya mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Kerajaan yang baru-baru ini dengan kemurahan hati Yang di-Pertuan Agong mencemar duli untuk merasmikan Mahkamah Agong. Mahkamah Agong di dalam negara ini semoga apa masalah mengenai dengan perundangan dalam negara kita ini akan dapat diselesaikan dalam negeri kita sahaja tidak payah kita pergi ke Mahkamah di tempat orang lain.

Apa yang saya hendak sebut mengenai dengan mahkamah ini ialah mengenai dengan pelaksanaan Bahasa Malaysia di mahkamah-mahkamah. Kalau di Mahkamah Agong atau di Mahkamah Tinggi atau di Mahkamah Persekutuan masih belum boleh menggunakan Bahasa Malaysia, itu saya rasa saya pun akur. Tetapi kalau di Mahkamah Magistrate macamlah di Telok Dato' ada Mahkamah Magistrate tangkap orang curi getah beku 3 kilo pun masih menggunakan Jurubahasa,

masih menggunakan bahasa Inggeris, ini saya rasa patutlah dibetulkan. Perbicaraan-perbicaraan di Mahkamah-mahkamah Magistrate sudah sepatutnya menggunakan bahasa Malaysia sepenuh-penuhnya.

Mengenai dengan Kementerian Dalam Negeri ini Tuan Yang di-Pertua, ingin saya mendapat tahu. Sekarang ini di dalam negara kita banyak sangat orang-orang ataupun rakyat luar, rakyat asing sama ada dari Indonesia, dari Burma, dari Kampuchea yang mengambil peluang hidup, mencari rezeki di tanahair kita ini dengan cara berjaja, berjualan merata kampung.

Yang saya hairan bagaimana mereka ini mudah sangat mendapat kad pengenalan merah. Mereka ini apabila mendapat kad pengenalan merah satu masa dengan alasan setelah 10 tahun, 12 tahun di sini, mereka akan menuntut, meminta kad pengenalan biru pula untuk menjadi rakyat di sini.

Ini yang jadi masalah, jadi pertanyaan kepada orang ramai.

Di kawasan Panglima Garang di kawasan Sijangkang pelarian daripada Kampuchea sekarang ini ada hampir 50 orang yang duduk menyewa beramai-ramai dan mereka ini menjadi penjaja kain, penjaja runcit.

Kalau kita hendak kenal mereka itu pelarian dari Kampuchea, bungkusan kainnya itu dibungkus dengan kain warna biru. Jadi mereka itu sudah mengambil kesempatan, sedangkan kita ingin menggalakkan supaya belia-belie kita hidup secara itu mengambil alih, mengambil peluang-peluang perniagaan, tetapi apabila ada perasingan yang semacam itu, maka belia-belie kita tidak dapat menghadapi cabaran itu kerana belia-belie kita belum dapat lagi tempat ataupun orang yang sanggup memberi bekalan kepada belia-belie itu. Tetapi kita lihat bagaimana orang-orang yang datang daripada luar dapat bekalan perniagaan yang begitu mudah, seolah-olah memang diatur, memang ada golongan atau memang ada sindiket yang

menyusun strategi untuk mereka itu hidup secara demikian.

Maksud B.37 Polis Di Raja Malaysia yang memerlukan kepada tambahan sebanyak \$34 juta. Mengenai dengan Polis Di Raja ini kita berterima kasih di atas kegigihan, di atas kewibawaan dan di atas kesanggupan anggota-anggota Polis Di Raja yang menjaga keamanan masyarakat dan keamanan negara kita. Namun demikian saya melaui ingin meminta kepada Kementerian Dalam Negeri kita Polis Di Raja ini supaya membina Balai-balai Polis Kecil di kawasan FELDA, tidak cukup dalam satu FELDA itu ada satu orang anggota Polis sahaja kerana maklumlah di satu-satu kawasan FELDA yang begitu ramai peneroka dan penduduknya apabila ada satu-dua orang anggota Polis biasa (Police Constable) mereka dapat hanya melayani kehendak orang ramai, itu mungkin dapat, tetapi tidak dapat mengawasi gejala-gejala buruk, sekalipun di pintu-pintu masuk FELDA sekarang ini ada security guard, menggunakan satu syarikat yang menyewakan tenaga pengawalnya kepada FELDA, saya rasa itu masih juga belum memberi kesan yang baik.

Kemudian kepada Polis Di Raja ini, saya mengucapkan tahniah di atas kejayaan pihaknya memberkas penyeludup dan pengedar ganja (cannabis). Apa yang mendukacitakan, saya diberitahu bahawa Bahagian Anti Narkotik di Jabatan Polis Di Raja ini yang sepatutnya memerlukan tenaga hampir lebih kurang 2,000 orang untuk seluruh negara, tetapi sekarang ini tenaga yang ada belum sampaipun separuh daripada itu. Jadi saya menggesa, saya menyeru kepada pihak yang berkuasa, Kementerian Dalam Negeri supaya jawatan yang diperlukan di dalam Pasukan Polis Bahagian Anti Narkotik ini diisikan. Jawatan ini bukanlah diisikan dengan orang-orang baru, tetapi diisikan hanya diambilalih daripada Pegawai Polis yang ada dipindahkan kepada Bahagian Anti-Narkotik. Jadi, supaya jawatan ini dapat segera dipenuhi dan tugas-

tugas untuk memerangi dadah tersebut akan dapat lebih berkesan lagi kerana nampaknya di akhir-akhir ini berita-berita mengenai tangkapan dadah terlalu kurang setelah kempen memerangi dadah secara habis-habisan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di halaman Wisma Bukit Putera. Sekarang ini tinggal sekali-sekali sahaja iklan anti dadah keluar di TV. Dan walaupun PEMADAM yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Rais Yatim mengadakan ceramah di merata negeri, tetapi yang hadir di dalam ceramah PEMADAM itu bukan orang yang menghisap dadah, bukan orang yang menjadi penagih dadah tetapi Jawatankuasa yang hendak memerangi dadah. Jadi, orang yang menghisap dadah tidak pernah dipanggil, tidak pernah diberi ceramah kecuali orang itu menyerah diri dibawa ke Pusat Serenti atau Pusat Pemulihan.

Kalau kita buka balik cerita Pusat Pemulihan ini, satu masa dahulu kita hebat memperkatakan bagaimana dalam nasi lemak ada dimasukkan, di situ ada terdapat bekalan heroine dan juga bagaimana dalam roti potong di situ pun ada bekalan ganja dan sebagainya. Jadi nampaknya perkara ini sudah senyap tetapi keadaan ini masih berlaku dan kita menggesa kepada pihak yang bertanggungjawab supaya benar-benar mengawasi gejala-gejala buruk ini supaya penyelewengan-penyelewengan tidak akan berlaku.

Selanjutnya saya ingin menyebutkan mengenai dengan B.37 Polis Di Raja supaya pegawai-pegawai tinggi dalam dalam Pasukan Polis Di Raja dapat betul-betul mendisiplinkan anggota-anggota pertengahan, pegawai-pegawai bawahan dan anggota polis biasa supaya seboleh-bolehnya mengelakkan diri daripada menerima rasuah sama ada sengaja atau tidak sengaja. Kita tidak mahu lagi mendengar ada anggota-anggota Polis yang menerima sogokan. Kita mahu supaya diadakan betul-betul kempen kesedaran supaya anggota Polis kita di seluruh negara

mengelakkan diri daripada menerima rasuah sama ada sengaja atau tidak sengaja.

Selanjutnya mengenai dengan B.40 Jabatan Pendaftaran Negara yang memerlukan tambahan peruntukan \$1.1 juta. Tuan yang di-Pertua, tidak berapa lama dulu kita dengar jabatan ini akan menggunakan alat-alat komputer yang sophisticated, alat-alat moden yang akan mempercepatkan lagi penukaran kad pengenalan, kerana sekarang ini undang-undang kita memerlukan Kad Pengenalan yang diambil pada waktu umur 12 tahun, apabila 6 tahun kemudian hendaklah ditukar dengan Kad Pengenalan baru tetapi kelambatan memproses penukaran Kad Pengenalan ini yang sebenarnya masih wujud sehingga hari ini, masih memakan masa 4-5 bulan. Dalam tempoh 4-5 bulan mereka yang terlibat dengan urusan hendak menukarkan Kad Pengenalannya itu terpaksa berulang alik bertanya dan Kertas Kuning yang menjadi surat sementara itu kadang-kadang sudah renyuk, sehingga tak ada tempat lagi hendak dicap pun ada.

Jadi saya menggesa, mengapakah keadaan ini masih berlaku? Sedangkan pernah Kerajaan menjanjikan bahawa penukaran Kad Pengenalan itu sampai masanya akan memakan masa selewat-lewatnya satu bulan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh B.45 Kementerian penerangan yang memerlukan tambahan peruntukan \$1.1 juta di dalam Akta Perbekalan Tambahan ini. Satu masa tempoh hari kita dengar heboh mengenai dengan Juruhebah-juruhebah Radio dan TV mengenai kedudukan gaji, masalah kedudukan taraf mereka dan ada di antara mereka yang lari meninggalkan jawatan, berhenti meninggalkan jawatan dan dijawab oleh pihak yang berkuasa di Angkasapuri, kononnya tak ada jawatan Juruhebah, yang ada jawatan Pembantu Penyiaran.

Memang betullah selama ini pun memang tak ada jawatan Juruhebah.

Saya sendiri hampir 20 tahun di Angkasapuri menjadi kakitangan di Angkasapuri, yang kita tahu orang-orang di Jabatan Penerangan itu kita panggil semuanya Pegawai Penerangan pada hal apabila kita tanya mana ada Pegawai penerangan, yang ada itu semuanya Pegawai Luar atau Pembantu Luar. Begitulah jawapannya. Tetapi nama jawatan itu kita ambil ringkas. Sudahkah nasib mereka itu dibetulkan? Tangisan mereka, regekan mereka meminta supaya nasibnya diperbaiki, yang berjawatan sementara 10-15 tahun, mereka itu ada yang memegang jawatan sementara selama 10-15 tahun sebagai Pembantu Penyiaran ataupun Juruhebah yang kita kenal.

Pegawai-pegawai luar ada yang menjadi pegawai sementara sampai umur 55 tahun. Ini sepatutnya di dalam Pertambahan B.45 dan B.46 Jabatan Penyiaran yang memerlukan tambahan \$2.15 juta itu supaya membetulkan kedudukan kakitangannya. Mereka adalah orang-orang yang memberikan korban masanya, bekerja 24 jam di Radio, bekerja meninggalkan kesenangan rumah bagi orang-orang di Jabatan Penerangan, meredah lumpur, memikul enjin, memikul generator untuk hendak tunjuk wayang gambar. Sampai pada masa tunjuk wang gambar kain putih kena gegar budak kerana filem-filem sudah lapuk, ini juga patut dibetulkan. Filem-filem yang ditayangkan oleh Unit-unit Luar Jabatan Penerangan di merata negara ini perlu diperbaiki.

Satu lagi khidmat di dalam Jabatan Penerangan ini iaitu dikatakan Pendi Emas satu van besar yang dikatakan akan dilengkapi dengan semua alat-alat moden. Tetapi yang saya nampak sekarang ini van besar itu banyak yang tersadai di perkarangan Balai Polis. Mengapa ini berlaku, kerana perancangankah atau bagaimana? Jadi, saya berharap supaya ini sama-sama kita baiki, sama-sama kita betulkan. Peruntukan kepada Jabatan Penyiaran \$2.1 juta tadi supaya lebih bagus lagi, biar rakyat yang membayar lesen \$24.00 setahun dapat menengok siaran yang

baik, menonton drama yang memuaskan, menonton cerita yang memuaskan dan kita tidak akan menyelar, kita tidak akan bertanya pula, mengapa masih ada lagi gambar-gambar dari luar negeri yang kadang-kadang sungguhpun sudah ditapis tetapi bagi mereka yang cenderung kepada fahaman agama masih mencolok mata.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya dengar arahan daripada pihak yang tertinggi pemimpin negara kita supaya setiap majlis rasmi diberhentikan tidak lewat daripada pukul 11 atau 11.30 malam. Adakah ini benar-benar dilaksanakan? Perintah supaya majlis yang dihadiri oleh kakitangan, pegawai-pegawai Kerajaan, oleh Ahli-ahli Yang Berhormat diberhentikan lebih awal kerana besoknya mahu kerja lebih cepat. Pukul 8 mahu punch card. Kalau nanti balik lewat maka besok pagi timbullah macam yang berlaku. Adakah berlaku punch card ini dipunch oleh orang lain. Yang sebenarnya ini berlaku. Sewaktu saya masih di Angkasapuri apabila bekerja di situ memang ada dua, tiga orang yang tugasnya untuk mempunchkan kad orang lain.

Tuan Yang di-Pertua, B.60 mengenai dengan Jabatan Perkhidmatan Pos yang memerlukan belanja tambahan sebanyak \$11 juta. Saya ingin bertanya kepada pihak yang berkenaan bilakah masanya Pejabat Pos di Banting, Pejabat Pos Sepang akan digantikan dengan Pejabat Pos baru yang lebih selesa kerana Pejabat Pos di Banting sekarang ini telah tidak sesuai dengan keadaan masa kerana bangunan itu dibina oleh penjajah dan sudah pun disambung dengan satu bangunan tambahan pun masih sesak juga sehingga kadang-kadang kaunter untuk menjual setem itu menjadi perbalahan. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya mengharapkan supaya Pejabat Pos Banting dan Sepang ini dapat dibina seberapa cepat dengan Pejabat Pos yang

baru untuk kelegaan rakyat. Orang tua-tua yang hendak mengambil pencen bulanannya, orang tua-tua yang hendak memasukkan semula dividen Amanah Saham Nasionalnya, ini semua sekali akan menjadi kelegaan kepada rakyat. Pejabat Pos Sepang itu sebenarnya kalau hujan sudah bocor.

B.57 Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pengangkutan Jalan yang memerlukan belanja tambahan \$2.4 juta. Baru-baru ini keluar dalam suratkhbar mengatakan cawangan Jabatan Pengangkutan Jalan yang menyeliaikan mengenai dengan lesen-lesen memandu, bahagian penguji lesen. Saya berharap kepada pihak tertinggi di Jabatan Pengangkutan Jalan ini supaya menyiasat benar-benar kerana memang berlaku. Kalau sekian bayarannya dalam tempoh sekian minggu lesen boleh dapat. Ini berbalik semula tadi Tuan yang di-Pertua mengingatkan saya supaya jangan pergi jauh tetapi apabila saya tidak pergi jauh cerita ini tidak tepat. Kalau begitu keadaannya rasuah masih ada berlaku di dalam Jabatan ini.

Kemudian mengenai dengan ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam akan mengkaji semula Ordinan had laju kenderaan terutama lori-lori di jalanraya-jalanraya kerana ini banyak menyebabkan, melibatkan punca kemalangan di jalanraya yang meragut nyawa dan memusnahkan harta. Saya mengalu-alukan pindaan ini supaya benar-benar dapat dilaksanakan kerana sekarang ini lori-lori kontena yang panjang, trailer yang panjang yang mempunyai roda sampai 16, 20 roda lari macam peselit. Kereta kecil kita, kalau setakat kereta kita yang 1300 c.c. tidak usah kata kena sondol, kena angin libasan dia pun bergerak. Ini memang sudah sepatutnya Ordinan itu dipinda supaya kalau boleh kenderaan-kenderaan ini sungguhpun tertulis di belakang tandanya itu had laju setengah jam sekian kilometer tetapi itu hanya tulisan sahaja. Dia lari 3 kali ganda dari tulisan itu.

Kemudian saya mengalu-alukan langkah Jabatan ini untuk mencatat kesalahan pemandu-pemandu dengan cara mata terutama sekali kepada pemandu-pemandu muda yang naik motosikal scrambler yang rodanya diubahsuai, pegang tangannya diubahsuai, exhaustnya diubahsuai. Kalau anak-anak ini barangkali kena catat sampai 20 mata kesalahan lesen-nya digantung baru dia gigit jari. Ini kesedaran kepada mereka untuk keselamatan nyawanya. Ini budak-budak muda dia tidak sayang nyawa. Dia mahu tunjuk lagak, mahu tunjuk gaya selagi ada lorong, selagi ada jalan dia boleh potong dia hendak potong. Apabila berlaku kemalangan, kita terlibat sama. Kita tengok tidak sampai hati, apabila kita tolong, kita nanti kena soal. Ini masalahnya, Tuan Yang di-Pertua.

B. 63, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah. Kita merasa bangga kerana sekarang ini Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah dapat menunjukkan bukti bahawa memang berlaku di dalam rancangan-rancangan FELDA ini mereka rakyat kita yang tidak berterima kasih. Itu balik kepada apa yang saya katakan tadi tidak berterima kasih sesama manusia, dia tidak akan berterima kasih juga kepada Allah. Diberi tanah sepuluh ekar, kalau satu ekar nilainya \$10,000, sepuluh ekar, \$100,000.00, dia lawan Kerajaan balik, dia buat poster di situ dia acum kawankawan dia. Namun demikian, yang terlibat tadi sedikit sangat tetapi apabila kita dengar di luar terlalu hebat apabila mereka mengadakan kumpulan-kumpulan ceramah sampai penuh melimpah rumah. Pengaruh ini sepatutnya dibendung lebih awal.

Saya mengalu-alukan cara sebagaimana yang telah diberi tahu oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tadi mengenai dengan cara pemilihan daripada kewibawaan mereka, keyakinan mereka, kesungguhan calon

yang akan menjadi peneroka-peneroka yang akan menikmati penghidupan baharu di Rancangan-rancangan Tanah supaya mereka terus akan mengubah sikap. Dan apa yang perlu Bahagian Seranta di FELDA, Bahagian Kebajikan, Bahagian Agama di FELDA sendiri terpaksa bekerja keras melibatkandikan tenaganya untuk membersihkan anasir-anasir dengan secara yang lembut, dengan secara yang akan mendatangkan kesan yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyebutkan mengenai dengan bencana alam, banjir tetapi jawapan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai dengan banjir ini masih belum memuaskan. Kalau di negeri Pahang; saya sebutkan negeri Pahang kerana di negeri Pahang ini ada satu skim pemulihan banjir. Rakyat yang kena banjir dibuatkan rumah, ditempatkan satu tempat yang tinggi yang tidak akan kena banjir. Tetapi bagaimana dengan tempat-tempat lain, rakyatnya mengalami banjir sampai tiga bulan, apabila hendak memulihkan semula penghidupan tiga bulan setelah ditenggelami oleh air adalah satu masalah yang rumit kerana selepas itu hanya ubi kayu dan ubi keledek yang akan menjadi sumber makanan kepada mereka. Semasa mereka di pusat-pusat penempatan banjir mereka akan menerima makanan-makanan percuma, selimut dan sebagainya tetapi kampung yang mereka tinggalkan selama berminggu-minggu itu telah mengalami kerusakan. Jawapan daripada Yang Berhormat Menteri kajian-kajian sedang dibuat ini, saya berharap sungguh-sungguh supaya kajian ini perlu dibuat sedalam-dalamnya supaya banjir ini tidak makin lama makin teruk, jadi ini nanti akan menjadi satu masalah besar kepada negara, masalah besar kepada kewangan negara untuk menyelesaikan perkara yang tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong meluluskan Akta Perbekalan Tambahan (1982 dan 1983), 1984 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri

Kewangan petang semalam dengan harapan setiap sen wang Kerajaan, wang rakyat yang dibelanjakan hendaklah digunakan kepada tempat yang manfaat, nasihat daripada Juru Audit Negara hendaklah diikuti dan jangan lupa bahawa mereka yang membelanjakan wang negara dan wang rakyat ini dikiri dan kanannya ada lagi dua juru audit hakiki iaitu Kiramaan Katibiin yang akan menanya untuk apa engkau buat duit negara yang engkau urus dan engkau belanjakan. Ini yang berat yang akan menjadi tanggungjawab masing-masing.

Tuan yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Akta ini untuk diluluskan.

5.55 *ptg.*

**Puan Nen Abidah binti Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun mengambil peluang ini untuk sama-sama membalas dan memberi sokongan kepada Rang Undang-undang yang dinamakan Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1982 dan 1983 dan bagi memperuntukan wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh iaitu berhubung dengan B.37 – Polis Di Raja Malaysia. Negara kita berkehendakkan keamanan dan jauh daripada segala ancaman luar dan dalam dan setelah kita ketahui bahawa Polis Di Raja ini adalah mendapat perbekalan wang tambahan setelah kita baiki dari beberapa segi. Polis Di Raja juga harus diberi kursus, kursus bukan sahaja dari segi menggunakan alat-alat senjata tetapi dari segi ramah mesra oleh kerana Polis sentiasa dikehendaki membantu orang ramai dalam apa jua masalah sekalipun. Dan janganlah bila kita berkehendakkan sesuatu pertolongan kita temui daripada pihak Polis maka mereka membuat seperti acoh tak acoh dan tidak ada tegur sapa daripada mereka langsung. Dan ini menyebabkan bahawa timbul perasaan yang tidak

suka daripada kalangan orang ramai menemui Polis. Jadi, Polis hendaklah beramah mesra dan juga tegur sapa kepada orang ramai dan bertanya apakah maksud mereka menemui Polis-polis tersebut supaya dapat memberikan pertolongan kepada orang ramai. Pernah juga kita temui bahawa kita dekati polis, dia membuat seolah-olah sebagai tidak memandang langsung kepada orang yang hendak menemuinya. Jadi, eloklah bagi pihak Polis Di Raja Malaysia mewujudkan satu kursus untuk anggota-anggota Polis ini supaya mereka dapat memberi ramah-mesra, tegur-sapa dan memberikan pertolongan yang cemerlang kepada orang ramai.

Saya menyentuh B.44 iaitu Penjara. Sering kita dengar bahawa penjara adalah satu tempat yang paling sial untuk seseorang jika mereka dikenakan hukuman penjara dan mereka akan bermastautin untuk beberapa waktu di sana. Oleh itu, sudah tentu mereka mencari jalan hendak keluar dengan apa jua cara sekalipun. Jadi, dengan peruntukan yang diberikan kepada penjara ini hendaklah mereka melengkapkan ataupun mengukuhkan alat-alat ataupun bangunan-bangunan penjara supaya orang-orang tahanan yang ditahan dalam penjara tidak akan dapat mencari jalan keluar. Apabila mereka terlepas keluar sudah tentulah menyusahkan bagi pihak pegawai keselamatan dan orang ramai. Dengan sebab itu, peruntukan ini tidaklah hanya ditentukan kepada pegawai-pegawai dan keperluan-keperluan pegawai sahaja, sehinggakan tidak mengambil berat isi-isi penjara, kekukuhan, penjara supaya banduan-banduan yang menjadi penghuni penjara tidak dapat lari melepaskan diri daripada penjara tersebut.

B.39 – Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos juga mendapat tambahan. Saya berharap apabila Kementerian ini dapat tambahan hendaklah menambahkan kekurangan-kekurangan yang ada seperti pegawai, kakitangan-kakitangan serta alat-alat penyampaian

seperti kereta, basikal dan motosikal. Pernah ditemui cara kegunaan penyampaian itu terlalu uzur seolah-olah Kerajaan sudah tidak ada kemampuan lagi. Orang ramai selalu menegur macam inilah kereta-kereta Kerajaan katanya. Jadi, masalah ini tentulah malu bagi pihak Kerajaan yang apabila satu-satu alat penyampaian itu tidak dapat disampaikan pada ketika dan waktunya.

Masalah pengambilan pegawai dan kakitangan yang baru hendaklah juga disegerakan. Ramai anak-anak muda yang sudah lepas sekolah menunggu kerja dan banyak pula lapangan-lapangan kerja yang tidak dipenuhi dengan alasan-alasan bahawa Kerajaan membekukan sementara waktu oleh kerana kemelesetan ekonomi negara. Masalah pertukaran pegawai-pegawai Kerajaan juga terlalu susah, apabila dimohon, jawapannya: "Permohonan tuan untuk bertukar ke tempat lain adalah diterima, tetapi buat sementara ini tidak dapat dilakukan oleh kerana kemelesetan ekonomi." Dan pegawai atau tempat-tempat tersebut tidak atau belum diisi dan mungkin pula tempat-tempat kosong telah diisi tetapi pertukaran masih belum juga dilakukan.

Masalah pertukaran ini pun menjadi satu masalah juga. Tuan Yang di-Pertua, ada yang hendak bertukar tidak tukar, ditukarkan sekalipun yang tidak mahu bertukar itu baru bertugas di tempat tersebut baru 3 tahun dan yang mohon bertukar sudah bertugas hampir 10 tahun tetapi belum juga ditukarkan. Maka eloklah bagi Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos memandang berat di atas perkara-perkara ini.

Maksud B.62 Kementerian Kebajikan Am. Ramai yang berkehendakkan bantuan dari Kementerian Kebajikan Am. Oleh kerana Rancangan Pemulihan Kampung (RPK) sudah tidak diadakan lagi maka ramai juga orang-orang miskin di kampung memohon bantuan daripada Kementerian Kebajikan supaya dapat mereka memperbaiki

rumah mereka atau pondok-pondok yang mereka duduki, tetapi ternyata hampa. Kita lihatlah seperti seorang ibu tua yang menerima hanya \$15 atau \$20 sebulan, kadang-kadang dapat tetapi selepas 6 atau 7 bulan sudah tidak dapat lagi. Pergi ke Pejabat Kebajikan mereka menyatakan bahawa bantuan sudah tidak dilanjutkan. Kementerian ini haruslah memikirkan bahawa Rumah-rumah Orang Tua telah didirikan tetapi bagi orang-orang Melayu kita yang tua-tua, ibu-ibu yang tua tidak ada anak, tidak ada waris saudara-mara, mengharapkan bantuan dan tidak mahu ataupun tidak suka tinggal di Rumah-rumah Kebajikan. Maka apakah salahnya ditambah bantuan bulanan terlebih sedikit agar dapat mereka belanjakan untuk makan minum sehari-hari.

Ada ibu tua yang tidak ada saudara-mara, hanya hidup mengharapkan bantuan daripada orang sebelah menyebelah rumah atau jiran atau Pejabat Kebajikan Masyarakat, selalunya pegawai-pegawai di Pejabat Kebajikan minta surat daripada Ketua Kampung; setelah mendapat surat daripada Ketua Kampung, barulah dilanjutkan. Sungguhpun ada surat daripada Ketua Kampung membenarkan bahawa ibu tersebut seorang tua yang uzur dan berkehendakkan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat tetapi tidak juga diberi. Ibu tua tadi menunggu sehinggalah tidak ada apa-apa bantuan yang ditambah. Tahulah rumah-rumah ibu kita di kampung sudah begitu uzur, rumah tiang 6 batang, atapnya sudah menampakkan langit. Apabila musim hujan seperti keadaan pada hari ini, ibu tadi tariklah tikar ataupun bantal tempat dia tidur ke sudut-sudut rumah yang tidak terkena oleh hujan.

Rumah-rumah Kebajikan Kanak-kanak juga patut diwujudkan oleh kerana kita merasa malu sekiranya negara kita ini sudah mencapai kemerdekaan serta mencapai umur 27 tahun tetapi masih ada anak-anak yang menghambat atau mengejar orang dan meluru ke kereta-kereta untuk meminta

sedekah. Sudah tentu kanak-kanak yang meminta sedekah ini tiada warisnya, jika ada pun warisnya sudah tentu susah juga. Wajarlah Kementerian Kebajikan mengambil langkah untuk mewujudkan tempat kanak-kanak ini.

Maksud B. 46 dan juga B. 48 Kementerian Penerangan dan Jabatan Penerangan. Amat wajar Jabatan Penerangan mendapat peruntukan ini kerana Jabatan-jabatan Penerangan adalah mass-media Kerajaan yang akan menyampaikan berita-berita kemajuan dan menerangkan kepada orang ramai segala-galanya supaya rakyat lebih faham dengan mendalam berhubung dengan apakah yang dilakukan oleh Kerajaan dan apakah yang berlaku dalam negeri kita. Kita tidak mahu lagi terjadi perkara seperti unit-unit penerangan atau kereta-kereta penerangan, kadang-kadang ada yang telah kondem tetapi tidak diganti hingga 5 atau 6 bulan. Masa selama 5 atau 6 bulan sudah tentu banyak perkara yang berlaku dan kereta yang dikondemkan masih belum juga diganti. Sudah tentulah bagi pihak Jabatan Penerangan menghadapi berbagai-bagai kesulitan dan berbagai-bagai lagi tidak dapat disampaikan kepada orang ramai.

Begitu juga dari segi alat-alat mesti diganti. Jika kita lihat ruangan agama, ruangan drama dan lain-lain, cuba lihat dari segi alat-alat seperti alas meja dan meja-meja yang dijadikan tempat seperti dalam "Hal Ehwal Semasa", mejanya seolah-olah dipasang terbalik, Tuan yang di-Pertua, tetapi apabila kita lihat pula dalam ruangan "Pertandingan Bintang TV dan Radio" yang cantik dengan alat-alat dan lampu-lampu yang berwarna-warni meskipun pereka setnya adalah terdiri dari mereka yang telah menunjukkan rekaan-rekaan yang cantik.

Saya terbaca di *Utusan Malaysia* pada hari semalam bahawa Perdana Menteri terpaksa menunggu lebih setengah jam semasa "Hal Ehwal

Semasa" dijalankan oleh kerana kerosakan berlaku. Sudah tentu malu, sekalipun kerosakan alat ini berlaku dengan tidak sengaja mestilah diambil perhatian yang lebih berat. Pernah juga berlaku di majlis-majlis yang dipasang alat-alat siaraya dan penerangan berlaku kerosakan, kadang-kadang sedang mendendangkan lagu Negaraku tiba-tiba alat siaraya sudah berhenti oleh kerana ia rosak dan juga lama. Sayugialah Kementerian Penerangan membaharui alat-alat yang lama seperti yang telah saya sebutkan tadi.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Akta yang telah dibentangkan semalam.

6.08 ptg.

**Tuan Ishak bin Abdul Rahman:** Tuan yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1982 dan 1983 dan bagi memperuntukkan wang itu untuk maksud-maksud tertentu, yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan semalam.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh Maksud B. 27 iaitu mengenai dengan Kementerian Pelajaran. Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai dengan tenaga pengajar dan guru-guru yang terlatih, pada petang semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran telah menyatakan bahawa dalam tahun 1983 terdapat lebih 300 orang guru-guru yang terlatih telah bersara sebelum meningkat umur 55 tahun. Dengan ini jelas menunjukkan bahawa kekurangan guru berlaku di negara kita sekarang, sedangkan kita sedang menghadapi satu masalah yang baru kita tempuhi iaitu mengenai dengan dasar dan usaha kita ke arah kemajuan pelajar yang lebih maju menerusi KBSR. Kekurangan guru ini harus akan meningkat dari setahun ke setahun kerana boleh jadi di

antara guru-guru yang terlatih itu tidak begitu senang hati barangkali dengan peraturan-peraturan kerja, kenaikan pangkat dan sebagainya.

Jadi saya berharap supaya Kementerian yang berkenaan mengadakan satu kajian supaya jangan mudah meluluskan permohonan daripada guru-guru yang terlatih ini untuk mendapat persaraan dalam jangka masa umur sebelum 55 tahun. Selepas itu pihak Kementerian telah pula mengambil guru-guru sementara untuk mengisi kekosongan yang berlaku akibat pemberhentian guru-guru tersebut. Dengan guru-guru sementara ini kita sedia maklum bahawa penglibatan alam KBSR memerlukan latihan yang secukupnya sedangkan guru-guru terlatih yang sedia ada telah juga dihantar untuk mengambil kursus setahun demi setahun. Jadi kalaulah guru yang tidak terlatih mengambil tempat ini tentu timbul masalah kepada pelajar-pelajar yang kita bermaksud untuk mendidik ke arah yang lebih tinggi pencapaian mutu pelajarannya.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai Kementerian Pelajaran lagi, pada pendapat saya akhir-akhir ini menerusi akhbar-akhbar selalu kita dapati beberapa masalah yang timbul boleh jadi dengan kekurangannya pihak-pihak Kementerian Pelajaran atau pihak-pihak yang tertentu melibatkan diri dalam disiplin pelajar-pelajar kita. Baru-baru ini berita dari Sungai Petani, Kedah misalnya yang telah disampaikan oleh seorang pegawai Kerajaan terdapat sebahagian di kalangan murid-murid perempuan terlibat dalam pelacuran. Begitu juga berita yang terdapat di Ipoh, Perak, sama ada benar atau tidak, kita tidak tahu tetapi berita itu telahpun disiarkan oleh akhbar bahawa terdapat pelajar-pelajar wanita kita juga terlibat dalam kejadian-kejadian yang tidak diinginkan itu.

Begitu juga pelajar lelaki terlibat

dalam salah guna dadah, lari dari sekolah, mengambil bahagian dalam pasukan-pasukan yang tidak tentu arah, pasukan-pasukan yang melibatkan diri di kumpulan-kumpulan yang tidak diinginkan. Hal-hal ini semua adalah berkaitan dengan disiplin sekolah atau tata tertib sekolah dan tindakan-tindakan yang lebih tegas perlu diambil. Walaupun Yang Berhormat Menteri Pelajaran sebentar tadi telah menyebut bahawa tindakan-tindakan disiplin dan penyusunan semula mengenai disiplin sekolah sedang diambil, saya suka menyaran dan mencadangkan supaya tindakan disiplin ini lebih berkesan, patutlah Kementerian Pelajaran mengadakan satu jawatan khas di tiap-tiap sekolah selain daripada sekolah-sekolah yang berasrama penuh, sekolah-sekolah yang tidak berasrama juga perlu pihak Kementerian Pelajaran mengadakan Pegawai Petugas Khas mengenai dengan disiplin.

Sekarang ini Guru-guru Besar atau Pengetua-pengetua Sekolah Menengah ini barangkali tidak dapat menjalankan tugas yang baik, bukan tidak mahu menjalankan tugas tetapi oleh sebab tugas-tugas penyampaian pelajaran, tugas mentadbir sekolah dan lain-lain tugas yang begitu banyak. Tugas untuk menjaga disiplin ini barangkali satu perkara yang berat dan saya mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran mengadakan satu jawatan khas yang semata-mata ditugaskan mengenai disiplin, mengenai pengawasan murid-murid di dalam kawasan sekolah dan di luar kawasan sekolah.

Saya menyentuh mengenai KBSR dan saya harap sangat supaya Kementerian berkenaan mengkaji semula dan mengadakan kajiselidik mengenai bilangan murid-murid yang terlibat dalam kelas-kelas KBSR, terutama sekali kepada murid-murid yang baru masuk iaitu murid-murid di tahun yang pertama atau darjah satu yang mana bilangan maksimumnya

sekarang ialah seramai 50 orang. Bilangan 50 orang ini akan dikawal oleh seorang guru sedangkan murid-murid ini baru menempuh alam persekolahan, baru berjumpa dan mengenali dengan keadaan-keadaan alam sekeliling sekolah. Untuk seorang guru mengawasi dan menyampaikan pelajaran kepada 50 orang murid adalah menjadi satu masalah yang berat dan dibimbangkan bahawa kejayaan KBSR ini tidak tercapai ke matlamatnya, sedangkan kita di rumah sendiri mempunyai tidak lebih daripada 12 orang anak-anak sendiri pun tidak kita dapat kawal dengan sempurna. Apakan pula seorang guru dan tambahan pula terlibat dengan KBSR ini yang saya dapat tahu bahawa guru KBSR terpaksa mengadakan kerja yang lebih daripada biasa, guru terpaksa menyediakan fail-fail, mengadakan borang-borang, mengadakan data tiap-tiap orang murid dan mengadakan alat-alat perkakas, kad, rajah, gambar dan sebagainya. Hal-hal ini kalau melibatkan murid yang begitu ramai maka akan terjejas juga sedikit sebanyak penyampaian pelajaran kepada murid-murid pada tahun permulaan.

Mengenai dengan ini juga di Pulau Pinang misalnya terdapat papan-papan kenyataan yang didirikan pada tahun 1982, ketika menjelangnya pilihanraya iaitu bangunan-bangunan baru akan dibangunkan. Di tepi-tepi jalanraya terdapat papan kenyataan, 'sebuah bangunan baru akan didirikan mengandungi 5 bilik darjah' misalnya, bangunan dua tingkat atau tiga tingkat. Papan-papan kenyataan ini menjadi persoalan kepada penduduk kawasan itu khususnya dan penduduk-penduduk yang lalu lalang di situ. Sejak tahun 1982 didirikan ada setengah daripada papan kenyataan itu telahpun roboh, telahpun jatuh, tetapi bangunan dan binaan sekolah ini tidak nampak muka juga. Jadi minta Menteri yang berkenaan supaya mengambil perhatian, kalaulah tidak ada

kemampuan untuk mendirikan sekolah seperti yang dirancangkan dua tiga tingkat, sepuluh atau lapan bilik darjah apa salahnya, peruntukan-peruntukan yang mana perlu supaya bangunan yang pasang siap boleh dibangunkan pada mana-mana kawasan atau kawasan-kawasan yang amat diperlukan bangunan sekolah.

Begitu juga kita terdapat menerusi akhbar-akhbar masih ada di kawasan luar bandar, kawasan-kawasan pendalaman yang murid-muridnya duduk di atas meja. Mengapa begitu sekali Kementerian Pelajaran tidak dapat mengesan masih terdapat murid-murid yang duduk dan menerima pelajaran di atas meja. Hal ini tidak patut berlaku, kerana sekarang ini kita mempunyai Pengarah-pengarah Pelajaran Daerah, Penolong-penolong Pengarah Pelajaran Daerah dan sebagainya dan berbagai-bagai jawatan yang diwujudkan oleh Kementerian Pelajaran. Masalah-masalah ini kalau murid duduk di atas meja dan suasana itu tidak menyenangkan murid-murid dan guru sendiri tidak menyenangkan, bagaimana guru hendak menyampaikan pelajaran. Sudahlah seorang guru daripada bandar misalnya dihantar ke luar yang tidak secocok dengan jiwa dan alam sekelilingnya, kalau pergi ke-sekolah maka didapati murid-muridnya duduk di atas meja, jadi rasa tanggungjawab, rasa minat untuk menyampaikan pelajaran kepada murid-murid tentu akan berkurangan.

Tuan Yang di-Pertua, B. 36, mengenai dengan Kementerian Dalam Negeri. Selalu dibangkit-bangkitkan dan selalu dipersoalkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini mengenai Kementerian Dalam Negeri terutama mengenai akhbar-akhbar, majalah-majalah, akhbar harian, akhbar mingguan dan bulanan. Sekarang ini telah menjadi musim kepada akhbar-akhbar untuk menarik minat kepada pembaca-pembaca terutama di kalangan muda

mudi, bukan kalangan pemuda-pemudi yang telah meningkat umur 20 tahun ke atas, bahkan kepada pelajar-pelajar kita yang masih dibangku sekolah sangat berminat untuk membaca beberapa majalah yang tidak perlu disebutkan di sini kerana dalam majalah-majalah atau akhbar-akhbar mingguan tersebut disiarkan gambar-gambar yang sangat menarik minat, gambar-gambar yang tidak lengkap dengan pakaiannya dan cerita-cerita yang sangat menarik minat.

Contohnya, hari ini kita dapat mengikuti dalam satu mingguan yang keluar pada hari Jumaat, cerita di hadapannya iaitu cerita 'Bogel', maaf, Tuan Yang di-Pertua, tetapi di dalamnya cerita itu tidak seberapa dan begitu juga cerita-cerita mengenai personaliti seseorang, yang disarankan, yang dicatitkan dan yang disiarkan dengan cara-cara cerita ini selain daripada minat membaca, juga menjadi satu pelajaran kepada mereka yang sengaja hendak menuju ke arah itu supaya dapat tahu dengan sebenarnya bagaimana untuk menentukan tarikh dan jam ke tempat-tempat ini, bagaimana perkara yang buruk-buruk itu dilakukan dan kepada orang yang berkehendakkan melakukan perkara-perkara yang buruk yang merosakkan moral itu akan mudah mengikuti kenyataan-kenyataan yang diberi oleh orang-orang yang tertentu dalam majalah-majalah yang begini. Jadi di harap sangatlah kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengambil satu tindakan kerana kita mempunyai kuasa tiap-tiap tahun sama ada mengambil tindakan menapis berita itu atau terus memberhentikan pengeluaran akhbar, majalah ataupun risalah-risalah yang dikeluarkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Kementerian Dalam Negeri lagi mengenai satu pusat pemulihan dadah di Bukit Mertajam yang dikenali dengan Pusat Insaf Diri yang pernah saya bangkitkan perkara ini pada suatu masa dahulu. Pusat Insaf Diri atau

Pusat Pemulihan Dadah ini asalnya di bawah Kementerian Kebajikan Am dan sekarang ini telah diambil alih oleh Kementerian Dalam Negeri. Pusat itu terletak di tengah kawasan kediaman orang awam dan juga berhampiran dengan dua buah sekolah menengah. Kawasan itu amat sesak dan keadaan pagar sekelilingnya tidak sempurna dan selalu berlaku pergaduhan di antara penduduk-penduduk setempat di sekeliling itu dengan penagih-penagih dadah yang ditempatkan di sana untuk dipulihkan. Orang-orang yang akan dipulih ini, kita sedia maklumlah penagih-penagih dadah ini boleh ambil sebarang tindakan. Jadi mudah mereka itu keluar melarikan diri dari tempat pemulihan itu dan mudah mereka membuat intipan di rumah-rumah orang-orang yang berhampiran dan lain-lain perkara lagi yang selalu berlaku.

Jadi harapan saya ialah Kementerian yang berkenaan mengadakan satu peruntukan khas supaya pusat pemulihan ini dapat dipagar dengan sempurna, tidak akan mengganggu ketenteraman orang awam di sekeliling, tambahan pula berdekatan dengan dua buah sekolah menengah. Kementerian berkenaan juga hendaklah hantar lebih ramai tenaga pengajar dan kalau perlu menghantar pelatih-pelatih daripada pasukan keselamatan untuk melatih mereka itu 'ala-tentera' supaya dengan demikian mereka akan mendapat dipulihkan dalam jangka masa yang lebih cepat.

Menyentuh Maksud B. 45, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Penerangan, sekarang ini terdapat sepertimana yang ditegaskan oleh rakan saya sebentar tadi selain daripada unit-unit penerangan ini yang telahpun lapuk ataupun lama. Filem-filem yang ditayangkan ke kampung-kampung kepada penduduk-penduduk di luar bandar juga didapati filem-filem yang telah lama dan tidak ada minat lagi untuk penduduk-penduduk luar bandar menyaksikan filem-filem ini. Apabila

tidak ada minat ertinya tidak ada orang yang menyaksikan filem-filem persembahan daripada Jabatan Penerangan. Apabila tidak ada peminat-peminat, tidak ada orang, maka Jabatan Penerangan akan pergi ke sana pukul 8.30 malam dan apabila didapati tidak ada orang dia pun turunkan layar putihnya dan selepas itu berangkat pulang.

Jadi hasrat untuk menyampaikan maklumat-maklumat yang penting kepada penduduk-penduduk luar bandar dan kawasan berkenaan tidak tercapai. Apa kata kalau sekiranya Jabatan Penerangan mengadakan gambar-gambar yang lebih baru ataupun sekarang ini telah ada alat-alat video misalnya dengan tidak menggunakan padang ataupun di tempat yang begitu luas dengan cara mengumpulkan bilangan orang-orang yang terhad, kita adakan tayangan video yang boleh menarik minat. Video yang dapat diterima oleh semua lapisan masyarakat maksud saya. Dengan itu selepas tayangan video itu dapat kita sampaikan apa-apa maklumat yang perlu untuk penduduk-penduduk dan untuk orang-orang di luar bandar yang berkenaan. Begitu juga mengenai dengan satu unit yang telah diwujudkan oleh Jabatan Penerangan kalau tidak salah saya, minta maaf kalau salah, iaitu satu unit yang dinamakan Pentarama.

Pada pendapat saya Pentarama ini memang menarik minat penduduk-penduduk luar bandar kerana terdiri daripada artis-artis yang betul-betul berbakat. Mereka mengadakan persembahan yang boleh menarik hati penonton-penonton sekalian. Jadi saya syorkan supaya Jabatan Penerangan atau Kementerian Penerangan mem-banyakkan lagi bentuk-bentuk Pentarama ini. Walaupun perbelanjaannya agak lebih dan pesertanya agak ramai tetapi hasrat dan cara penyampaiannya diterima oleh orang ramai.

Begitu juga yang saya dapat tahu artis-artis ataupun peserta-peserta

Pentarama ini biasanya dibayar gaji mengikut khidmat kerja mereka. Artis-artis ini boleh memberi sumbangan yang baik dan begitu memberi faedah kepada Kerajaan dan apa salahnya kalau mereka ini diberi satu tangga gaji yang berpadanan dengan penyampaian, dengan tenaga kerja mereka itu.

Satu lagi dalam Jabatan Penerangan ini iaitu satu jawatan yang penting kepada parti kita, Pegawai Penerangan Luar yang kita semua ketahui bahawa Pegawai Penerangan Luar ini adalah terdiri daripada ahli-ahli parti kita sendiri. Daripada ahli-ahli parti kita ini kita ambil bertugas di Jabatan Penerangan dan mereka ini tidak dapat dinafikan oleh sesiapa pun telah banyak memberi tenaga kepada parti kita dan kepada Kerajaan kita. Apabila menjelang pilihanraya mereka ini terlebih dahulu masuk ke kampung-kampung, ke kawasan-kawasan pendalaman mengatur kursus sivik, perjumpaan penerangan dan sebagainya. Itu tugas mereka.

Kalau kita kata peranan KEMAS penting, maka peranan yang dimainkan oleh Pegawai-pegawai Penerangan Luar ini juga begitu penting dan mereka ini bertugas semata-mata untuk kepentingan parti sepanjang masa, sepanjang tahun dan sepanjang khidmat mereka. Apa salahnya kalau sudah khidmat mereka itu tidak dapat dipertikaikan lagi, khidmat mereka itu telah memberi banyak faedah kepada parti kita, untuk mendapat kemenangan sekali demi sekali pilihanraya Pegawai-pegawai Penerangan Luar ini sekarang ini menerima gaji yang agak lumayan, tetapi mereka ini bertugas setahun demi setahun, itu maksud saya. Ertinya tahun ini diperbaharui dan dilantik semula selepas cukup tahun, diperbaharui dan dilantik semula. Memandangkan kepada tugas mereka yang begitu cemerlang saya mencadangkan supaya mereka ini dilantik tiga tahun sekali. Dengan demikian akan lebih memberi percayakan diri mereka sendiri untuk menjalankan tugas dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sedikit sebanyak yang saya dapat sampaikan dalam perbahasan ini dan saya dengan sukacitanya lagi sekali menyokong Akta ini bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang disatukan untuk perbelanjaan tambahan perkhidmatan tahun 1982 dan 1983 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud-maksud yang tertentu.

Sekian, dengan sukacitanya saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman.

6.27 ptg.

**Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi menggunakan wang daripada Kumpulanwang yang disatukan yang telah dibentangkan daripada semalam dan dibahaskan sepanjang hari ini.

Saya tidaklah akan mengambil masa yang panjang cuma untuk menambah di mana beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, mengupas satu-persatu Kementerian-kementerian yang berkenaan. Saya akan mulakan dengan Kementerian Pelajaran iaitu B.27.

Memang tidak dinafikan bahawa Kementerian Pelajaran adalah satu Kementerian yang mendapat perbekalan yang begitu banyak setiap tahun kerana Kementerian ini adalah satu Kementerian yang sangat penting kerana pelajaran adalah penanaman modal bagi rakyat kita masa kini dan masa hadapan dan sehingga akhir zaman.

Apa yang saya hendak sentuh di bawah Kementerian Pelajaran ini ialah berhubung dengan kemudahan-kemudahan asas di sekolah-sekolah terutama sekolah-sekolah di luar bandar yang saya rasa kebanyakan

sekolah-sekolah di luar bandar, umpamanya di Melaka masih lagi ada sekolah-sekolah yang tidak mempunyai padang permainan atau tempat kanak-kanak berlatih untuk sukan, olahraga seperti main bola sepak, bersenam dan sebagainya.

Kita tidak nafikan bahawa kesihatan murid-murid berpunca daripada sukan atau olahraga yang sangat perlu dan penting bagi membentuk pertumbuhan akal, tenaga dan juga pembersaran anak-anak di sekolah. Yang saya maksudkan di sini bahawa sebuah sekolah saya rasa sudah hampir 6 tahun Kementerian Pelajaran, khususnya Jabatan Pelajaran Negeri Melaka telah meluluskan permohonan untuk mendapatkan sekeping tanah untuk dibuat padang permainan, tetapi sehingga hari ini walaupun tanah itu telah mendapat kelulusan, telah diambil balik oleh Kerajaan untuk diusahakan dijadikan padang permainan, tetapi sehingga hari ini nampaknya masih tertinggal, tanah itu seperti awal juga atau seperti mula-mula iaitu keadaannya ialah pokok getah yang masih belum diusahakan untuk dijadikan padang bola untuk kemudahan anak-anak ini. Saya sukalah menyatakan bahawa sekolah ini ialah sekolah yang dinamakan Sekolah Rantau Panjang, Air Pak Abas, Melaka.

Satu perkara lagi berhubung dengan Kementerian Pelajaran juga, saya sukalah memberi pandangan bahawa tujuan asas kita mengadakan sekolah-sekolah, pra-sekolah, Tadika atau Tabika (Taman Bimbingan Kanak-kanak) ialah bertujuan untuk mengasuh, melatih, mendidik anak-anak yang pra-sekolah ini untuk menyesuaikan dirinya ke alam persekolahan nanti bila dia masuk pada tahun yang pertama di Sekolah Kebangsaan. Tetapi apa yang saya tahu baru-baru ini beberapa pengaduan telah diberi oleh ibu bapa yang mempunyai anak belajar di sekolah Tabika, guru-guru Tabika ini tidak tahulah sama ada tidak beri kursus yang sempurna

ataupun tidak, telah menekan mengajar ataupun memimpin anak-anak ini, ditekan seboleh-bolehnya supaya anak-anak ini sampai dapat apa yang diajar oleh guru ataupun dipaksa murid-murid itu mempelajari apa yang diajar oleh guru sampai dapat, kalau tidak anak-anak ini akan didenda atau dimaki dan sebagainya lagi. Jadi saya rasa kelakuan yang sebegini daripada guru-guru Tabika atau Tadika patutlah diambil perhatian oleh Kementerian supaya kesedaran kepada guru-guru ini tujuan asasnya memimpin anak-anak ini, mendidik anak-anak ini untuk menyesuaikan supaya mereka tidak canggung ataupun tidak rasa takut dan gentar bila menghadapi alam persekolahan nanti.

Kedua, saya suka hendak menyentuh Maksud B. 37 – Polis Di-Raja Malaysia. Polis ialah satu pasukan atau anggota yang sangat penting bagi keselamatan negara, keamanan negara dan kita banyak mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada anggota Polis negara kita yang selama kini telah berkhidmat dengan begitu penuh dedikasi, jujur juga bersemangat untuk menjaga keamanan negara.

Satu perkara yang sangat menyedihkan bahawa di masa kini kita telah dan sedang memerangi dadah atau penyalahgunaan dadah, bahawa dadah pada ketika ini walaupun kita telah membuat, meminda beberapa kali Akta Penyalahgunaan Dadah ini dengan dikenakan denda yang berat, tetapi maklum balas yang diterima bahawa penagih-penagih dadah bukan sahaja berkurangan, tetapi makin sehari semakin bertambah. Jadi satu daripada sebab-sebab yang menyebabkan bertambahnya penagih-penagih dadah iaitu kuasa menangkap bagi penagih-penagih dadah ini. Orang-orang kampung ataupun penduduk-penduduk kampung berharap Pasukan Polis dapat menangkap ataupun membendung penagih-penagih dadah ini untuk ditangkap, didenda serta dibawa ke pusat pemulihan. Jadi

biasanya orang-orang kampung bila nampak ataupun tahu di mana tempat orang atau anak-anak muda kita berlonggok-longgok, berkumpul yang tujuannya untuk menghisab dadah, apabila diberitahu kepada Polis ataupun ditunjukkan kepada Polis, kadang-kadang betul-betul anak-anak muda itu sedang menggunakan ataupun sedang menagih dadah di sana tetapi Polis itu apabila diadu atau diberitahu dia tidak mahu menangkap kerana dia takut dan tidak ada kuasa hendak menangkap, ini menjadi masalah dan menjadi soalan panjang, kerana dia tidak mahu menangkap. Sebab itulah selalunya orang-orang kampung ataupun pihak-pihak Jawatankuasa Kemajuan Kampung bila mendapat tahu tempat-tempat anak-anak muda penagih dadah ini, kalau hendak mengadu kepada Polis sudah berasa tidak mahu lagi kerana apabila diadu seperti mana saya sebutkan tadi, Polis tidak menjalankan tindakan sertamerta sebagaimana yang dimaklumkan. Ini satu daripada sebabnya maka penagih-penagih dadah ini makin bermaharajalela dan bertambah-tambah daripada semasa ke semasa.

Maksud B. 45 – Kementerian Penerangan. Tadi kita telah mendengar beberapa pandangan yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini. Saya suka hendak menambah satu dua perkara berhubung dengan Kementerian Penerangan. Kalau tidak salah, rasa saya dalam Persidangan Belanjawan Dewan ini pada akhir bulan 12 tahun 1983 dahulu, saya telah menyarankan atau mengemukakan satu permohonan supaya Jabatan Penerangan mengambil tindakan ataupun mengubah dan memperbaiki cara Pembaca-pembaca Berita atau juruacara dalam rancangan TV Malaysia. Ini saya maksudkan ialah hendak menerapkan nilai-nilai Islam ke Jabatan-jabatan Kerajaan dan juga di seluruh pelusuk negara kita.

Saya telah menegur berkenaan dengan pakaian Pembaca Berita

(Juruhebah) di satu-satu rancangan dalam rancangan TV, khususnya kepada kaum wanita, Pembaca Berita wanita itu nampaknya sampai hari ini tidak ada apa perubahan yang saya tengok, malahan berkeadaan seperti biasa, yang berubah ialah sanggul sahaja yang berbentuk berubah-ubah, tetapi kain tudung wanita itu tidak juga dipakai. Jadi ini kita nampak hanya melelapkan mata sebelah, padahal kita melaung-laungkan hendak menerapkan nilai Islam kerana Pembaca Berita berdepan dengan kita, seolah-olah kita berhadap dekat-dekat. Wanita yang tidak menutup aurat begitu saya rasa amat malu dan segan hendak menentang wajah walaupun di dalam kaca TV.

Satu lagi perkara berkenaan dengan Laporan Kajicuaca yang dikeluarkan oleh TV Malaysia. Saya rasa ada perbezaan antara aliran Inggeris dan aliran Bahasa Kebangsaan iaitu masa mengeluarkan berita kajicuaca itu walaupun kajicuaca ini sebagai ramalan, tidak berapa tepat, boleh jadi benar atau 50% betul atau 30% tidak betul dan berbagai lagi. Tetapi apa yang saya rasa ada perbezaan antara rancangan TV aliran bahasa Inggeris dengan aliran Bahasa Kebangsaan ialah pada masa menerangkan berkenaan dengan cuaca, rancangan Inggeris ditunjuk sekali sahaja cuaca waktu pagi di Semenanjung Malaysia, cuaca waktu pagi terus cakap waktu petang, kemudian ubah ke Sabah, Sarawak waktu pagi dan waktu petang, tetapi bagi aliran Melayu dia tidak buat begitu, empat kali ulang. Pagi Semenanjung Malaysia, pagi Sabah dan Sarawak, kemudian balik petang cuaca di Semenanjung Malaysia dan petang di Sabah dan Sarawak, seterusnya menyatakan berkenaan dengan arus dan juga angin.

Saya rasa oleh sebab TV Malaysia rancangan Inggeris dan Melayu adalah satu Kementerian dan satu pentadbiran, jadi saya rasa peraturan yang seperti itu yang dibuat hendaklah

diselaraskan supaya sama bentuk dan keadaannya.

Berhubung dengan Kementerian Pengangkutan, iaitu B.57, saya sukalah hendak menambah pandangan daripada Yang Berhormat Senator Haji Shahrom berhubung dengan lalulintas jalan raya pada hari ini. Satu daripada perkaranya yang menyebabkan berlakunya kesesakan ataupun kemalangan dan juga kelewatan, leceh dan susah hendak melalui jalan raya, terutama sekali jalan raya satu hala, tidak seperti lebuh raya yang ada jalan dua hala. Jalan raya satu hala ini kereta melalui kiri-kanan jalan berdepan, kadang-kadang oleh sebab hendak cepat dan pemandu-pemandunya tidak cermat, selalu berlaku pelanggaran dan juga kemalangan di jalan raya.

Apa yang saya hendak sebut di sini berkenaan dengan lori-lori dan bas-bas. Pada masa ini boleh dikatakan jalan raya itu hampir 30% ialah lori-lori pengangkutan, termasuk lori minyak, lori treler angkat kereta, lori mengangkut barang-barang dan sebagainya lagi yang sentiasa berjalan ke Utara dan Selatan Semenanjung kita ini. Kadang-kadang kita akan jumpa semasa kita memandu kereta, kumpulan lori-lori ini beratur rapat-rapat berjalan, kadang-kadang sampai 10-15 biji berdekat-dekatan. Kalau kita menaiki kereta, kalau kita hendak cepat, padahal lori ini berjalan tak boleh lebih daripada 60 km sejam atau 65 km sejam, yang kereta-kereta kecil ini hendak laju, hendak cepat, susah hendak memotong kerana lori-lori ini berjalan terlalu rapat antara satu sama lain.

Jadi, dengan adanya hari ini kita telah membuatkan satu Peraturan dan Akta baru berhubung dengan lalulintas, lesen-lesen akan dikenakan markah, apabila sampai 20 markah akan dikenakan satu hukuman. Saya rasa patutlah diadakan satu undang-undang, peraturan kepada lori-lori apabila melalui jalan raya ini, bila sampai 5-6 buah lori hendaklah

membuat peraturan seperti cara lori-lori tentera kita melalui jalan raya. Lori-lori tentera kita melalui jalan raya ada mengikut peraturan, antara sebuah ke sebuah lori itu tidak kurang daripada 30 meter jaraknya, jadi kalau kereta-kereta kecil hendak memotong lori tentera ini paling mudah, tidak mengganggu, tidak menjadikan kelambatan bagi orang yang hendak cepat lalu di jalan raya, mudah hendak memotong lori-lori tentera ini.

Jadi patutlah lori-lori barang, lori-lori pengangkutan di jalan ini juga dibuatkan satu aturan supaya mereka ini apabila melalui jalan raya kalau berjumpa 3-lori hendaklah kedudukan antara satu lori dan satu lori ini berjarak sekurang-kurangnya 30 meter antara satu dengan lain, barulah kemudahan orang ramai, kereta-kereta kecil, kereta-kereta pakai yang melalui jalan raya ini tidak akan menanggung kesusahan dan terhalang di jalan raya.

Satu perkara lagi saya suka hendak menyentuh sedikit berkenaan dengan Jabatan Perkhidmatan Pos. Walaupun negara kita sekarang sudah maju, Jabatan Pos telah dilengkapi dengan alat-alat, penghantar-penghantar surat di Jabatan Pos menggunakan motosikal, ada yang menggunakan kereta bergerak dan juga basikal, tetapi ada juga ketika berlaku kelambatan surat-surat ini sampai ke tangan orang yang hendak dihantar. Dalam tahun 1984 ini saya sendiri sudah 4 kali menerima surat yang lewat sampai padahal antara Jabatan Pos dengan rumah saya lebih kurang jaraknya 5 rantai sahaja, tetapi surat-surat kadang-kadang saya dapat jadual yang dikehendaki mesyuarat 12hb Mac, tetapi saya dapat surat itu 15hb Mac. Saya telah mengadu kepada Ketua Jabatan Pos di situ, dia akan mengambil tindakan yang sewajarnya, tetapi tidaklah saya menggunakan kekerasan, hanya meminta nasihat sahaja. Apa yang saya rasa amat malu bahawa surat-surat yang sampai itu walaupun dekat rumah dengan Pejabat Pos, tetapi

lewat sampai, kadang-kadang mengendalakan dan juga boleh menjadikan satu halangan bagi saya untuk menghadiri apa-apa juga jemputan dan juga mesyuarat-mesyuarat yang ditentukan.

Selain daripada itu, ada juga surat-surat yang balik kepada penghantar. Surat-surat yang balik kepada penghantar ini saya maksudkan salah seorang daripadanya penduduk di kawasan perumahan, sudah 5 tahun duduk di sana, kawasan perumahan itu sudah terkenal, tetapi penghantar surat ini tidak menaruh nombor rumah sahaja, padahal posmen-posmen kenal orang ini tetapi surat itu sebab dia tidak taruh nombor rumah, maka surat itu balik ke tangan penghantar. Jadi saya rasa ini satu perbuatan yang barangkali pihak penghantar, iaitu Jabatan Pos yang menghantar surat ini tidak berusaha atau bekerja dengan tidak cara ikhlas. Apabila surat-surat yang tidak ada bernombor rumah di kawasan perumahan ini, dia tak kuasa hendak mencari kerana kawasan perumahan itu luas dan banyak rumah mana satu rumahnya yang bernama si anu bin si anu, tetapi si anu bin si anu adalah orang yang terkenal di dalam kawasan perumahan itu, sudah biasa menerima surat, tidak payah bernombor rumah, tetapi telah berlaku perkara yang seperti ini. Jadi saya harap pandangan yang saya beri ini kepada Jabatan Pos dan juga pihak-pihak yang berkenaan supaya mengambil perhatian apa sahaja yang perlu diperbaiki dari semasa ke semasa.

Dengan ini saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini supaya diterima. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, jemput.

6.46 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak semua Kementerian-kementerian amat berterima kasih kepada semua Yang Berhormat Senator-senator yang telah

memberi pandangan-pandangan yang panjang lebar yang begitu berguna kepada Kementerian-kementerian sekalian. Percayalah, semua pandangan-pandangan serta teguran-teguran akan diteliti dan diperhatikan sebaik-baiknya bagi memperbaiki lagi keadaan pentadbiran negara kita ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua.

#### **Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1982 dan 1983), 1984 telah dibincangkan tanpa pindaan, maka saya mencadangkan bahawa Rang Undang-undang ini dibaca pada kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah-masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG MESIN CETAK DAN PENERBITAN**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*6.49 ptg.*

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengawalselia penggunaan mesin cetak dan percetakan, pengimportan, penghasilan, penghasilan semula, penerbitan dan pengedaran hasil penerbitan dan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pada masa ini terdapat 3 undang-undang yang berlainan yang mengawal kegiatan-kegiatan percetakan dan penerbitan akhbar dan majalah tempatan serta kawalan ke atas penerbitan-penerbitan yang diimport ke negeri ini seperti berikut:

- (i) Akta Mesin Cetak 1949;
- (ii) Akta Kawalan Penerbitan-penerbitan Yang Di Import 1958; dan
- (iii) Seksyen 22 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, yang bertujuan untuk mengawal penerbitan-penerbitan yang berbentuk subversif yang mengancam keselamatan dan ketenteraman awam di negara ini.

Pelaksanaan undang-undang tersebut tidak memuaskan dan bertindih (overlapping) di dalam bidang kuasanya di mana ianya mungkin menimbulkan kekeliruan. Memandangkan kegiatan-kegiatan percetakan dan penerbitan dan kawalan merupakan kegiatan-kegiatan yang saling berkaitan maka lebih sesuai dan mudah sekiranya diwujudkan satu saja undang-undang.

Dengan penggabungan peruntukan-peruntukan dalam kedua-dua Akta, iaitu Akta Mesin Cetak 1948 dan Akta Kawalan Penerbitan-penerbitan Yang Diimport 1959, maka adalah dipercayai Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 akan lebih menyeluruh atau, dengan izin, comprehensive dan akan dapat mengawal dan mengawasi semua kegiatan percetakan, penerbitan akhbar dan majalah dari dalam dan luar negeri dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu Rang Undang-undang ini mengambil kira, peruntukan-peruntukan yang tidak sesuai di dalam Akta-akta yang sedia ada. Sebaliknya peruntukan-peruntukan baru, yang perlu, telahpun dimasukkan ke dalam Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ini.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan sains dan teknologi telah menghasilkan mesin-mesin cetak yang, dengan izin, sophisticated seperti 'word processor', 'offset', mesin pendua dan penyalin juga 'micro computer' yang murah harganya. Mengikut Akta Mesin Cetak 1948, pemilikan dan penggunaan mesin-mesin tersebut perlu mendapat lesen.

Yang demikian di bawah Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1948 ini, cuma mesin-mesin cetak yang besar, yang boleh mencetak 1,000 cetakan atau lebih sejam, dengan izin, 1,000 impressions per hour or more saja yang perlu dilesenkan. Mesin-mesin Cetak yang digunakan oleh Kerajaan, swasta dan orang awam, bukan bagi tujuan perniagaan percetakan, tetapi semata-mata untuk kegunaan sendiri adalah dikecualikan lesen mesin cetak.

Sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, kaset-kaset, pita-pita dan piring-piring rakaman telah diguna untuk merakam ucapan, syarahan dan sebagainya yang berpotensi mengancam keselamatan dan ketenteraman awam. Yang demikian peruntukan-peruntukan yang sesuai telah dimasukkan ke dalam Rang

Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ini di mana di bawah Rang Undang-undang ini telah disyaratkan tiap-tiap pita-pita rakaman dan piring-piring rakaman (phonogram) yang dikeluarkan dan diedar hendaklah mengandungi nama penerbit atau pengeluar pita-pita rakaman dan piring-piring rakaman yang berkenaan. Yang demikian sekiranya didapati bahan-bahan yang terdapat di dalam pita-pita rakaman atau piring-piring rakaman berkenaan bahan-bahan yang boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman awam atau prasangka dari segi moral dan akhlak mulia maka tindakan yang sewajarnya bolehlah diambil ke atas pengeluar atau penerbit pita-pita rakaman dan piring-piring rakaman yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun pita-pita rakaman untuk kegunaan sendiri dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan undang-undang baru ini.

Sejak kebelakangan ini majalah dan akhbar-akhbar asing yang diterbitkan di luar negeri telah cuba mengeksploitasi berita-berita secara keterlaluan dan tidak bertanggung-jawab sehingga mengakibatkan berita-berita yang tidak tepat, menyeleweng, terpesong dan berpotensi menjatuhkan maruah dan imej negara ini. Di bawah Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ini peruntukan-peruntukan yang perlu telah dibuat bagi tujuan mengawal dan mengawasi penerbitan-penerbitan daripada luar negeri dengan lebih berkesan lagi. Rang Undang-undang ini dapat meletakkan penerbitan-penerbitan tempatan dan penerbit-penerbit luar negeri di tahap yang sama dari segi dengan izin liability dan dengan izin accountability dalam penerbitan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri Dalam Negeri telah diberi kuasa untuk menetapkan syarat-syarat tertentu termasuklah syarat mewajibkan penerbit-penerbit daripada luar negeri mem-

bayar deposit sebelum penerbitan-penerbitan mereka dibawa masuk ke negara ini. Cara membuat cagaran dan melucuthak deposit akan ditetapkan dengan cara membuat kaedah. Sukalah saya, Tuan Yang di-Pertua, tegaskan di sini bahawa Kerajaan tidak berniat untuk mengharang penerbitan-penerbitan yang diimport kerana kebanyakan penerbitan-penerbitan ini tidaklah membahayakan (harmful). Jika didapati sesuatu penerbitan tersebut menyiar bahan-bahan atau artikel yang tidak diinginkan dan membahayakan keselamatan negara maka tindakan sewajarnya diambil.

Satu lagi masalah yang dihadapi di bawah Akta Mesin Cetak 1984 sekarang ini ialah semua lesen mesin cetak dan permit penerbitan di bawah Akta ini tamat tempoh lakunya pada 31hb Disember pada tiap-tiap tahun ianya dikeluarkan. Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ini maka peruntukan ini telah dipinda di mana setiap lesen mesin cetak dan permit penerbitan yang dikeluarkan adalah laku dalam tempoh 1 tahun daripada tarikh ianya dikeluarkan.

Rang Undang-undang ini dapat meletakkan penerbit-penerbit tempatan dan luar negeri di tahap yang sama dari segi dengan izin 'liability' dan 'accountability'. Ianya adalah lebih menyeluruh dan dapat mengawal serta mengawasi semua jenis penerbitan dengan lebih berkesan. Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 ini juga bertujuan untuk menjaga kepentingan rakyat dan negara, selaras dengan sikap liberal yang diamalkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan

Majlis ialah Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk mengawalselia penggunaan mesin cetak dan percetakan, pengimportan, penghasilan semula, penerbitan dan pengedaran hasil penerbitan dan mengenai perkara-perkara yang berkenaan dengannya dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*6.57 ptg.*

**Tuan Haji Shaharom bin. Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian di dalam membahaskan Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang baru sebentar tadi dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya mengucapkan syabas kepada pihak Kerajaan dan Kementerian Dalam Negeri khasnya kerana sekarang ini tepat pada waktunya yang Rang Undang-undang ini dibentang untuk diluluskan untuk menjaga keamanan dan ketenteraman masyarakat daripada gejala-gejala buruk yang ditimbulkan oleh mereka yang mengambil kesempatan dari dokumen, akhbar, buku dan majalah, pekeliling yang di dalamnya mengandungi tulisan-tulisan yang mencaci, mencemuh, memburukkan pemimpin-pemimpin kita, mencaci, memburuk-burukkan negara kita daripada pandangan dunia.

Apa yang kita tahu tulisan-tulisan itu adalah sengaja dibuat untuk merendah-rendahkan martabat pemimpin, untuk merendah-rendahkan martabat negara kita di mata dunia, sengaja ditulis supaya dunia menganggap bahawa Malaysia ini suatu negeri yang mundur, yang rakyatnya, yang pemimpinnya masih boleh dipermain-mainkan.

Saya mengalu-alukan tindakan Kerajaan jika sekiranya kedapatan majalah-majalah yang seperti itu yang dibawa masuk ke dalam negeri kita ini walaupun mengandungi satu dua kalimah diharamkan sama sekali daripada masuk ke dalam negeri kita.

Tindakan secara mengenakan deposit atau cagaran ini ialah satu langkah pertama tetapi bagi mereka yang menjalankan kegiatan untuk mengadudumba ini mereka tidak kluatir jika wang depositnya dirampas, jika cagarannya dilenyapkan kerana mereka memerlukan supaya pengaruhnya atau kempen atau dakwahnya tadi dapat dibaca oleh dunia bahawa kita ini masih boleh diperkotakkatikkan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam bidang rakaman suara, kaset ataupun

tape yang sekarang ini menimbulkan satu masalah di dalam masyarakat kita, saya mengalu-alukan....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari Isnin.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 16hb April, 1984.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.*